

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

KHAMIS, 9 Februari 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*

YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]

YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]

YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]

YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]:*

YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha II
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Zulfazly bin Mohamad [Penolong Setiausaha III (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi]

YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]

YBhg. Dato Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]

Encik Ikmalrudin bin Ishak [Timbalan Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof [Penasihat Undang-undang]

YBhg. Dato Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]

Encik Ibrahim bin Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** (samb/-)

Encik Muhammad Firdaus [Setiausaha Bahagian (AD)]
Encik Shah Aruzaman Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]
Cik Yusniati binti Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]
Encik Suhaimi bin Hj Saudi [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]
Cik Noor Azira Ahmad Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (Pengurusan Sumber Manusia)]
Encik Mohamad Mokhtar Ahmad [PL2]

Kementerian Dalam Negeri

Encik Muhamad Sade bin Mohamad Amin [Setiausaha Bahagian (Parlimen dan Kabinet)]
Puan Rafidah binti Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Cik Yuslina Kamarudin [Penolong Setiausaha (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Encik Mohd Rezuan Abd. Razak [Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet)]

Jabatan Pendaftaran Negara

Encik Zakaria bin Awi [Timbalan Ketua Pengarah (ICT)]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah (Bahagian Kewarganegaraan)]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pegawai Pendaftaran (Bahagian Kad Pengenalan)]
Puan Zarifah binti Zulghaffar [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]
Encik Daniel Dayin [Penolong Penguasa]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha Unit Kabinet dan Parlimen]
Kapt. Azizi bin Elias [Pegawai Staf 3 ICT (Operasi)]

Kementerian Luar Negeri

Encik Dzulkefly Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha]
Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Encik Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Encik Abdul Rauf Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]

MIMOS Berhad

YBhg. Datuk Abdul Wahab Abdullah [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif]
Encik Kamarulzaman Abdul Mutalip [Pengurus Kanan]
Encik Nizamuddin Ariffin [Pengurus Kanan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia****Khamis, 9 Februari 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.40 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat petang dan salam sejahtera. Salam 1Malaysia dan selamat bertugas bagi mereka yang walaupun perayaan Chap Goh Mei telah berlalu tetapi masih lagi di dalam suasana Gong Xi Fa Cai, kepada semua yang merayakannya, "*Gong Xi Fa Cai, shin nen kuai le.*"... [Ketawa] Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Parlimen pada mesyuarat pada kali ini dan juga kepada Setiausaha Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah dan semua pegawai-pegawai sokongan induk khususnya daripada pelbagai kementerian atau jabatan, khususnya SPR, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya menerima *apology* daripada Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Hulu Selangor yang tidak dapat hadir kerana ada tugas dan program yang tidak dapat dielakkan mahupun di luar negara ataupun di tempat lain.

Baiklah, sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran semua tuan-tuan dan puan-puan sekalian di dalam Mesyuarat pada kali ini, Mesyuarat kedua pada tahun ini dan ada beberapa perkara induk yang perlu dibincangkan. Menurut agenda pada hari ini Jawatankuasa akan membincangkan perkara-perkara sepertimana di dalam senarai agenda. Pertama, laporan persediaan terkini SPR menghadapi Pilihanraya Umum Ke-13 dengan mengambil kira syor-syor Jawatankuasa ini oleh Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi sendiri selepas sahaja saya selesai membuat perbincangan-perbincangan asas dan kita boleh jemput nanti. *This is just updating* dari segi cadangan-cadangan yang telah kita majukan, khususnya cadangan-cadangan yang telah pun diperakui untuk diterima, untuk pelaksanaan pada masa pilihan raya yang akan datang.

Seterusnya nanti kita akan menumpukan perbincangan mengenai lawatan kerja Jawatankuasa ini ke United Kingdom, Jerman dan Denmark yang dijangka akan diadakan pada 21 hingga 28 Februari.

Jadi, kita akan membincangkan dari segi pengisiannya. Pemilihan soal tiga tempat ini berasaskan kepada perbincangan asal pihak Parlimen dan beberapa juga yang lain dengan konsul-konsul ataupun duta-duta asing di Kuala Lumpur yang sedia untuk menerima lawatan serta juga sedia membuat pengisian dan juga dari segi jenis perkara-perkara yang boleh kita manfaatkan sewaktu lawatan ke tempat tersebut.

Seterusnya perbincangan mengenai *outstanding issues* iaitu perkara-perkara berbangkit dari sesi pendengaran awam, khususnya pendengaran awam di tiga tempat iaitu di Pulau Pinang, Kelantan dan Johor Bahru dan beberapa perkara yang belum lagi diputuskan oleh pihak Jawatankuasa. Perkara-perkara yang telah pun ditimbulkan itu adalah seperti sepuluh perkara di sini dan ada lagi yang barangkali belum tercatat. Nanti Ahli-ahli Jawatankuasa bolehlah menyentuh seperti yang pertama, kelayakan mengundi 18 tahun kepada 21 tahun. Kedua-dua pihak di sini saya rasa masih memikirkan semua ini sebelum kita berbincang secara mendalam, ada pula di Johor Bahru yang mengatakan 25 tahun. Biarlah mereka menyelesaikan pengajian di kolej dan maktab barulah mengambil bahagian dalam proses demokrasi dan itu pun satu pandangan yang agak jauh sedikit daripada apa yang kita dengar sebelum ini.

Kedua, soal peningkatan kualiti daftar pemilih iaitu *electoral roll* dan ini masih *ongoing*, soal persempadanan semula pilihan raya termasuklah prinsip-prinsip, cara dan *weightage* ini. Pihak Jawatankuasa belum lagi membuat apa-apa ketetapan dan kita sedia untuk membincangkannya bersama. Keempat ialah pendaftaran secara automatik dan kita telah bincangkannya sebelum ini, kita belum membuat apa-apa ketetapan. Pada awalnya memang kedua-dua pihak ada pandangan masing-masing.

Kelima ialah soal *political funding* dan itulah yang kita akan ke *Germany*, antaranya untuk melihat bagaimana mereka mengendalikan perkara ini. Kalau di sana, semua *political party* yang pernah memenangi kerusi di dalam pilihan raya sebelum itu akan layak mendapat peruntukan misalnya untuk aktiviti politik daripada bajet tahunan, *so interesting, you know*. Ketujuh, pelan alternatif mengenai SPR. Kita sudah mula berbincang perkara ini tetapi kita belum lagi membuat apa-apa ketetapan yang dicadangkan di bawah Parlimen, *independent commission* yang lebih daripada apa yang sekarang ini, kita masih terbuka untuk mendengar, berbincang dan akhirnya membuat ketetapan di dalam perkara ini.

■1450

Akan tetapi kita ada sentuh sememangnya keperluan-keperluan SPR itu yang mana kita telah minta SPR kalau ada yang spesifik dari segi peruntukan ataupun jawatan yang kita perlu angkat sebelum pun kita selesai membuat laporan akhir pun kita boleh laksanakan. Akan tetapi dari segi *framework* nya kita masih lagi ada yang dikatakan seperti pelantikan Lembaga misalnya. Kita lantik seperti cara proses pelantikan seperti mahkamah dan seumpamanya.

Seterusnya akses kepada media. Ini juga *hot issue* yang kita telah dengar banyak. Seterusnya pengundian luar negara sudah pun kita sentuh. Namun prosesnya itu yang kita telah katakan bukan juga senang, kecuali pakai konsep *postal vote*. Seterusnya ini SPR, *I think* kita telah bincang dan seperti perwakilan berkadar *proportionate presentation versus first-past-the-post*. Ini masih lagi terbuka untuk perbincangan Jawatankuasa ini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada 29 Disember 2011, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat bagi mendengar taklimat yang telah diberikan oleh Pengerusi SPR iaitu Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof berkenaan maklum balas terhadap syor-syor yang terkandung dalam laporan Jawatankuasa yang telah di bentang di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011.

Pada hari tersebut juga SPR telah mengadakan demonstrasi berkenaan proses pengundian dan proses pengiraan undi di tempat ini serta kaedah penggunaan dakwat kekal semasa hari pengundian. Pada hari ini Yang Berbahagia Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dan pasukan akan sekali lagi memberi laporan terkini kepada Jawatankuasa berhubung dengan persiapan yang telah dibuat oleh pihaknya bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang akan datang.

Saya telah sentuhkan tadi perihal laporan, saya rasa nanti kita masukkan sepertimana di dalam agenda, di situ hanya menekankan lagi bahawa negara-negara yang telah dikenal pasti mempunyai sistem pilihan raya yang boleh diambil kira serta dipertimbangkan bagi penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia adalah negara-negara yang telah kita tulis. Walaupun banyak jemputan juga, ada jemputan daripada *ambassador* daripada *Spain*. Beliau katakan *their system is so* dengan izin, *worth it to look at* ataupun *Spain* dia kata dua jam sahaja dari London dan seterusnya. Bukan mahu pergi main bola Madridlah akan tetapi hendak dengar sistem dia. Akan tetapi...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi: ...Mereka bagus. Eropah sekarang ini sejuk, sangat sejuk. Jadi, nanti kita bincang ini dalam agenda di samping pihak Parlimen dan agensi teraju akan turut sama dalam lawatan kerja ini ialah pihak SPR, KDN dan JPN. Akan tetapi jika ada betul agensi yang kita rasa selain daripada ini harus menyertai, sila maklumkan kepada sekretariat dan *we will help to put in for your agency* punya *funding* lah. Ini kerana masing-masing bayar mengikut agensi.

Okey, saya rasa untuk makluman, laporan akhir Jawatankuasa perlu dibentang dan diputuskan oleh Majlis Dewan Rakyat selewat-lewatnya 2 April 2012 kerana 3 April 2012 selesai surat pelantikan kita, Jawatankuasa ini. Jadi, saya mempunyai beberapa tarikh selepas – untuk bulan Mac untuk bila mengeluarkan draf laporan dan bila bercadang untuk membentangkan. *Because subject to* beberapa perjumpaan lagi selepas lawatan kerja di Eropah nanti. Saya rasa tidak...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Oh! Itulah. Saya nampak-nampak macam masih boleh balik lagilah... *[Ketawa]* Tiada-tiada. Signal tiada. *Blank, white. So,* keluar semua notis Mesyuarat. Soalan-soalan sedang disediakan. Baiklah saya rasa saya ingin masuk ke agenda satu. Jemput Tan Sri Pengerusi SPR dan ahli lembaga.

[Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengambil tempat di dalam bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Baiklah terima kasih. Bagi agenda pertama ini seperti mana saya telah pun jelaskan, saya bagi pihak Jawatankuasa mengalu-alukan kehadiran Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof sekali lagi kerana dapat bersama dengan kita dan juga Setiausaha SPR, Datuk Kamaruddin bin Haji Baria. Tujuannya ialah untuk meminta *updated* dengan izin, perkembangan dan persiapan perkara-perkara yang telah pun diperakui oleh SPR untuk digunakan pada Pilihan Raya Ketiga Belas yang akan datang termasuk perihal dakwat dan juga perkara-perkara yang berkaitan. Begitu juga cadangan-cadangan sebelum ini mengenai dengan tatacara pengendalian *nomination* dan barangkali itu akan dibangkitkan juga.

Jadi tanpa melengahkan masa saya jemput Yang Berbahagia Tan Sri, terima kasih.

2.58 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: *Asalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa. Izinkan saya menyampaikan perkembangan terbaru, *latest development on our decision, committee decision* dan juga persetujuan SPR tentang sepuluh perkara yang telah di syorkan kepada SPR.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pertama Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penggunaan dakwat kekal, *indelible ink*. Saya suka memaklumkan di sini bahawa pindaan kepada Peraturan 19, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 berkenaan dengan cara menggunakan dakwat kekal. Begitu juga berkenaan dengan orang yang dipercayai oleh OKU. Dua perkara ya, untuk membantu mereka, drafnya telah pun diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 25 Disember 2011. Draf ini telah pun kita letak tarikh kuat kuasanya pindaan...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Pada 25 Disember, hari Krismas.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pada 25 Disember 2011.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Hari Krismas itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Cuti pun ada kerja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *[Ketawa]* Oh! 20th December. Maaf saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Awal lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pada 20 Disember. Saya...

Tuan Pengerusi: Pada 20 Disember. Okey.

■1500

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Maaf Tuan Pengerusi, 20 Disember dan tarikh kuat kuasa kepada pindaan ini 15 Februari. Tuan Pengerusi, *instead of 1st February*.

Tuan Pengerusi: Minggu hadapan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Minggu hadapan. Saya suka menyatakan di sini bahawa peraturan ini masih lagi di peringkat istana ya.

Tuan Pengerusi: Pengesahan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Untuk *sign*. Akan tetapi tarikh itu kita letak *instead of 1st* tukar kepada *15 February*.

Tuan Pengerusi: *On the 15 of February*. Okey. Untuk dua ini?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Dakwat dan wakil OKU.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dakwat kekal dan juga OKU.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau boleh, penjelasan sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penguatkuasaan peraturan ini. Saya cuma hendak tahu prosesnya, adakah ia perlu disahkan oleh Yang di-Pertuan Agong baru hantar ke Parlimen, *on the table* di Parlimen ataupun sebaliknya?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Ada endorsement from...*

Tuan Loke Siew Fook: *Endorsement* daripada Agong, lepas itu baru...

Tuan Pengerusi: *Then*, edarkan kepada Mesyuarat Persidangan Parlimen.

[Berbincang sesama sendiri]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Izinkan Penasihat Undang-undang, Encik Mohd Azhar.

Tuan Pengerusi: *What is actually this nice and crispy procedure*. Selepas istana, mana ia pergi? *Gazetting...*

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof [Penasihat Undang-undang Suruhanjaya Pilihan Raya]: Ini kerana undang-undang memerlukan kelulusan dan kelulusan Agong dan kemudian dikuatkuasakan. Apabila Parlimen bersidang...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Untuk maklumat sahaja. Agong selesai, kuat kuasalah.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Ya. Akan tetapi... membenarkan ia dibahaskan...

Tuan Pengerusi: Ya. Diedarkan, maklum dan ia akan diwartakan berkuatkuasa 15 Februari. Okey. Sila *continue*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kedua, berkenaan sampel dakwat kekal sebagaimana dimaklumkan yang lepas telah pun dihantar ke Jabatan Kimia dan telah pun mendapat makluman mereka. Daripada Jabatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, sehingga masa ini kita belum mendapat apa-apa maklum balas.

Tuan Pengerusi: Minta dia cepat-cepat, mana tahu ada perubahan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Manakala daripada JAKIM, kita telah pun mendapat keputusan bahawa kandungan dakwat kekal itu tidak membenarkan orang Islam mengambil wuduk dan sebagainya, tidak ada apa-apa yang melanggar peraturan. Sampel juga telah dibawa ke Mesyuarat ini pada 29 Disember yang lalu. Latihan kepada petugas pilihan raya, akan diadakan latihan ini. Mengikut perancangan SPR akan kita mulakan pada bulan hadapan apabila tatacara berkenaan dengan kaedah penggunaan dakwat kekal ini dapat disiapkan.

Tuan Pengerusi: So, latihan-latihan semua dibuat.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Berapa lama?

Tuan Pengerusi: [Ketawa] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Beliau hendak tahu bila tarikh pilihan raya semua.

Tuan Pengerusi: Ada setahun lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada.

Tuan Loke Siew Fook: Tan Sri kata bulan Mei.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Berhormat, saya tidak cakap itu. *Reporter* itu yang – Beliau tanya saya betul atau tidak pilihan raya hendak diadakan pada bulan Mac. Saya kata bagaimana hendak ada pilihan raya bulan Mac, Jawatankuasa ini tamat bulan April dan boleh disambung. Gaji kakitangan kerajaan pun akan tamat bulan April *and then the conclusion is Mei...* [Ketawa] Itu saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Boleh juga Mei tahun hadapan juga.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Boleh. Mei dan Jun tahun hadapan.

Tuan Wee Choo Keong: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya tidak kata begitu.

Tuan Pengerusi: Tiada ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kemudian berkenaan dengan kempen kesedaran orang ramai pun akan kita akan aturkan supaya orang ramai khasnya pengundi-pengundi faham berkenaan dengan penggunaan dakwat kekal ini. Tatacara sedang dimuktamadkan dan apabila siap nanti akan digunakan untuk sesi-sesi latihan.

Tuan Pengerusi: Yang mana? Mulai bulan hadapan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bulan Mac. Berkenaan dengan penggunaan awal, *advance voting*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Hendak tanya sekarang boleh ke Tuan Pengerusi atau selepas ini?

Tuan Pengerusi: Boleh tanya sekarang juga. Berkaitan, yang *study*, dakwat.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Okey.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi dan Tan Sri, kita sudah *test* dakwat ini pada 29 Disember. Saya dapati yang di kuku itu lekat panjang, 3 minggu tidak hilang lagi.

Tuan Pengerusi: Ya. Ini setiausaha masih sini lagi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ia hilang bila kuku itu *out growth, whatever* tetapi yang di kulit ini *in the same day* boleh dihilangkan.

Tuan Pengerusi: Ha! Yakah?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *But not at the kuku. So, di situ kita perlu ada perhatian kerana kuku ini kalau kita lace kan dengan polish and then sama ada ia lekat atau tidak, if you remove the polish, possibility* dakwat juga boleh di – ini maksudnya kemungkinan-kemungkinan. Akan tetapi pada kulit ini, *I think if you wash frequently* akan hilang. Saya sudah *test*. Kulit akan hilang tetapi kuku ini memang...

Tuan Pengerusi: Saya punya cuci tidak juga, mahu tiga hari yang *flesh* lah tetapi yang di kuku itu lamalah. Akan tetapi takut kalau pakai *solution* untuk *dissolve*... [Disampuk] Akan tetapi bila ia kandas sampai masuk sini, di bawah kuku, itu tiga minggu. Ini Datuk Roosme masih lagi sana. Kalau ia *pass the kuku* atau ia masuk. Itu lama.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Peringkat SPR, kita melihat perkembangan ini dan akan memastikan bahawa dakwat kekal itu, walaupun mereka berusaha untuk menghilangkannya, tetapi *anything below the nail or in between* memang sukar untuk hilang.

Tuan Pengerusi: Ya. Memang begitu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Cuma saya haraplah Tuan Pengerusi supaya tidak ada usaha untuk menghilangkan dakwat ini daripada di tanda di jari. Di peringkat SPR kita berusaha sedaya upaya supaya dakwat ini kekal. Dalam masa yang sama juga, semasa hari mengundi itu kita bukan sahaja melihat kepada kuku dan jari yang dicalit tetapi juga di nama, di daftar pemilih. *They must be go together*.

Tuan Pengerusi: Sekali daftarliah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Kalau misalnya kukunya memang bersih tetapi nama sudah dipangkah, sudah ditanda, kertas undi tidak akan diberikan – Yang Berhormat Padang Besar sudah tukar di Putrajaya sekarang.

Tuan Pengerusi: *It is not just the sign lah. The recording, normal process...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Maknanya dua perkara Yang Berhormat. Jari dan nama. Kalau benar-benar kita bertujuan untuk mengelakkan penipuan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *On the other hand*, kalau jarinya biru – warna belum tahu ya. Jarinya sudah dicalit, nama belum dipotong, bagaimana pula?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kita cuba lihat dakwanya warna apa.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya. *Same color*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Well if same color*, kita tidak akan keluarkan kertas.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, mengikut rekod beliau belum mengundi lagi. Jadi, hairan juga bukannya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Mungkin beliau sudah mengundi di tempat lain. Ini agakkan kita. Bagaimana pula jarinya sudah ada *ink*. Kalau benar dakwat itu dakwat yang warna sama dan sebagainya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya. *So...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *So. Ya. I think* yang penting tatacara mesti ada untuk menyelesaikan kes timbul seperti ini bagi *Presiding Officer*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi Tan Sri, kalau tersilap pegawai itu, beliau tanda. Tanda itu di antara siri nombor dengan kad pengenalan. *That is the usual practice*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ditanda di nama yang telah diberi kertas undi bukan *in between*. Ada itu digaris...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I think the normal practice – Is that normal practice* dia tanda antara *series number* dan kad pengenalan punya nombor *one dash*. Bukan ditanda atas nama. Ditanda di antara *series number* dan nombor kad pengenalan.

■1510

Tuan Pengerusi: Dan digariskan, batal. Bukankah?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: Tidak ada satu kaedah yang *fix* di sini daripada segi penandaan. Akan tetapi ditandakan di situ – maknanya nama berkenaan ditanda yang kertas undi telah diberikan kepada mereka.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya. Saya berpandukan pada buku panduan yang dikeluarkan oleh SPR. Soalan saya ini, katalah pegawai itu membuat kesilapan tanda tetapi jari dia itu bersih, so bagaimana keputusannya itu? Jari bersih tetapi namanya itu tertanda. Terbalik daripada soalan Yang Berhormat Kuala Krai tadi itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Well*, hendak membuktikan tersilap ini, *at that very moment* kita tidak dapat hendak menentukan kesilapan pegawai berkenaan semasa menanda. Akan tetapi daripada segi kaedah yang kita pilih ialah dua-dua perlu ada. Kalau misalnya pegawai berkenaan sedar dia melakukan kesilapan, tidak mengapa Tuan Pengerusi tetapi kalau dia menafikan dia membuat kesilapan berkenaan...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *polling agent* kita ada juga di sana *to counter check* kalau orang itu sudah masuk dan tersalah tanda pun. Saya rasa...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, *polling agent* pun ada.

Seorang Ahli: *Cross match*.

Tuan Pengerusi: Ya, *cross match*. Cuma, *I think* perlu Tan Sri, *because* kemungkinan ini boleh terjadi, jadi perlu ada tatacara bagaimana untuk mengatasinya bagi *presiding officer* iaitu tertanda tetapi belum mengundi. *What are the steps to do to deal with the thing?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi saya fikir yang kesilapan tanda itu mungkin tidak akan berlaku. Yang akan berlaku mungkin seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi. Jari itu di tanda walaupun ditanda dengan dakwat yang berlainan warna kah, lain *ingredient* kah, tidak kisahlah tetapi ia ditanda. Itu yang mungkin berlaku tetapi namanya itu belum digariskan lagi. Jadi pegawai itu perlu membuat keputusan. Itu satu.

Kedua, *polling agent* yang ada ini bolehkah dibenarkan *polling agent* ini membantu kerani pengundian? Bermakna, kalau perkara itu berlaku, sepatutnya rujuk kepada *polling agent*. Dua-dua *polling agent* katakan dia di situ, bagaimana? *So that you have...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Undang-undang tidak ada. Tidak boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, apabila jari di tanda, dia datang, kerani pengundian itu lihat jarinya sudah ditanda tetapi dia kata dia belum mengundi. Mengikut apa yang Tan Sri katakan tadi, dia tidak akan diberikan kertas mengundi oleh sebab jarinya telah di tanda, walaupun namanya belum digariskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Tujuan kita...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi Tan Sri sebut *polling agent* ada di situ, dua-dua yang mewakili dua pihak, mereka pun ada buku daftar pemilih dan mengikut mereka punya buku, memang dia itu belum mengundi lagi. Jadi, *can you at least refer to the polling agent* supaya *polling agent* itu, dua-dua ini bersepakatlah sebab dia dua-dua pihak ini ada di situ.

Kalau mereka kata mereka *confirm* kata dia ini memang tidak datang, belum datang lagi, *then will that have a weight, have some barring in making the* keputusan. KTM mungkin hendak buat keputusan, dia hendak buat keputusan yang adillah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Lihat perkara itulah, Tuan Pengerusi. Pada peringkat ini, mengikut kata penasihat undang-undang saya, kita tidak boleh *refer* kepada *polling agent*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Memang tidak ada?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, tidak ada. Akan tetapi kita lihatlah bagaimana.

Tuan Pengerusi: *That is why* saya sebutkan tadi perlu satu tatacara penyelesaian. *So, if it is happen*, pegawai pun jelas *how to take action* apabila timbul seperti begitu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *What happen* kalau satu *polling agent* kata ya, memang dia belum datang... [*Disampuk*] Kita lihatlah perkara itu. Pertama sekali kemungkinan yang akan berlaku pada hari pengundian, dia tidak mahu jarinya di tanda. "*I do not want*", dia kata. Itu langsunglah, *sorry*, tolak.

Kedua, jarinya sudah bertanda tetapi nama dia bersih. Kalau mengikut peraturan sekarang, itu pun tidak boleh dikeluarkan kertas undi. Ketiga...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kerana semata-mata jarinya sudah ditanda?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sudah bertanda.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Walaupun namanya belum digariskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itulah ia.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ketiga, nama ada bertanda tetapi jarinya bersih. Itu pun tidak akan dikeluarkan kertas undi. Akan tetapi daripada segi katakan jarinya telah di tanda dengan dakwat tetapi nama di senarai pemilih masih belum bertanda, nanti kita akan bincanglah.

Tuan Pengerusi: Ya. Hanya kita takut Tan Sri ...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa yang Tan Sri punya *reservation* inilah tujuan kita buat dakwat ini supaya sudah sekali, dia tidak boleh pergi mengundi tempat lain; dua kali. Jadi, itu yang pentingnya, bukan yang *the first part* tadi itu kesilapan-kesilapan lain. Akan tetapi ini hendak menghalang orang mengundi dua kali. Itu tujuan dakwat, bukan begitu?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu sebabnya dalam peraturan yang kita ada sekarang, kalau jarinya sudah bertanda, namanya masih bersih, kita tidak akan keluaran kertas undi.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja Tan Sri...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Mungkin dia telah mengundi di tempat lain, dia datang lagi di situ. Mungkin. Kita...

Tuan Pengerusi: Ya. Ertinya, namanya dua kali dalam senarailah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Mungkin.

Tuan Pengerusi: *So*, dengan pembersihan yang diadakan, harus untuk sebahagian besar boleh menyelesaikan *dual entry* ini. Saya hanya ragu jika orang yang dakwat itu walaupun kelihatan dakwat, ia bukan dakwat yang asal, ia tiruan sahaja tetapi orang di kampung kah pergi tanda beliau-beliau punya apa ini. *So, we must be able to distinguish it...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *The different ink.*

Tuan Pengerusi: *Fake ink.* Barangkali ada yang nakal-nakal di bukit sana, dia kasi... dan dia pergi tanda tetapi bukan tanda *ink* asal, asli. Jadi, kita perlu ada pengesahan bahawa palsu punya...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya bersetuju dengan pandangan ini Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Selalu terjadi ini di bukit-bukit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sebab di pedalaman takut orang kita ada yang tidak bertanggungjawab, bukan? Ia buat semata-mata untuk menghalang mereka mengundi dan dicalit dengan dakwat bukan dakwat daripada SPR tetapi dakwat yang lain. Jadi kalaulah di tempat mengundi nanti ada pertikaian, jadi mereka tidak dapat mengundi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu sebabnya daripada segi warna dakwat ini kita rahsiakan sehingga pada petang itulah. *Even* petang itu tidak tahu warnanya. *Only the next day, early in the morning.* Akan tetapi kalau dia masih boleh tiru *exactly the same colour that...* [Disampuk] Susahlah nak cakap. Akan tetapi warnanya kita akan dapatkan warna yang uniklah.

Tuan Pengerusi: *Blue* kah, *green* kah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Warna yang unik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi Tan Sri, warna itu tidak akan menjadi satu perkara yang relevan. Ini disebabkan kalau dia mengundi di tempat lain, alasan Tan Sri mengatakan bahawa kalau seseorang itu ada ditandakan jarinya, kita tidak akan beri walaupun namanya tidak dicalit. Tidak akan beri kertas mengundi kerana takut dia telah mengundi di tempat lain. Jadi, di tempat lain itu warna lain.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Eh! Tidak. Yang Berhormat, *ink* yang digunakan oleh SPR bagi semua saluran, warnanya sama.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saluran atau Parlimen?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *The whole country.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Oh! Whole country.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *The whole country*, satu warna.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu warna sahaja. Oh! Saya fikir Parlimen Kangar lain, Parlimen... [Ketawa].

Tuan Pengerusi: Mahal nanti itu. *Very costly.* *Silver* itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak ada. Satu warna. Akan tetapi warna itu pun unik.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey. Kalau begitu, seseorang itu hendak meniru, dia perlu ada terpalit jari dia itu mesti seakan-akan serupa warna dengan itu. Kalau dia terpalit sahaja warna lain bagaimana?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Warna lain tidak ada apa. Ia perlu ada *ink*. Katalah warna merah, katalah dakwat kita bukan merah ya. Ini *different ink and then* di situ pula namanya masih bersih. *So*, kita berilah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *So, the* kerani boleh beri?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Different ink*.

Tuan Pengerusi: Masalahnya kalau dekat biru dan biru...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Kita ada mikroskop kah untuk tengok bahawa...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada.

Tuan Pengerusi: Dibekalkan dengan mikroskop juga?... [*Disampuk*] *Magnifying glass* lah. Tengok...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ini yang hendak pakai cuci ini, kita boleh tengok yang di bawah-bawah kuku punya.

Tuan Pengerusi: *So, our officers* perlu dilatih, hendak tengok jari kiri, jari kanan... [*Ketawa*] Okey. Hanya kita bangkitkan kerana ini kemungkinan...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *All possibilities*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Warnanya.

Tuan Pengerusi: Dan *we do not want session to be blocked* di situ.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Warna ini Tan Sri, kalau kita sudah putuskan dahulu pengundi awal akan mengundi tiga hari awal, jadi kita pun dahulu sudah putuskan kemungkinan pengundi awal lain warnanya. Jadi, ini pun boleh menggelakkan orang buat tekaanlah warnanya.

■1520

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bukan sahaja warna itu berlainan Yang Berhormat, *even* botol dia pun berlainan warna, berlainan botol, berlainan tutup.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia datang tetap bawa botol betul Tan Sri. Warna, yang penting warna.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya lah tetapi kita hendak tahu di mana dia dapat.

Tuan Pengerusi: Ha! Okey, teruskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Okey, ambil perhatian ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi Tan Sri, ambil perhatian tadi tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai. Pengundi-pengundi yang mengundi awal mesti dia warna lain.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi bermakna SPR kena ada dua *colour* lah ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Memang Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pengundi awal, warna *ink* dia lain, warna botol dia lain, warna tutup botol dia pun lain.

Tuan Pengerusi: Wangi dia macam mana? Biasa?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Wangi mungkin lain... *[Ketawa]* Okey, bunga-bunga lain.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Timbul masalah Tan Sri. Tadi kita kata kalau dia datang pada hari *General Election*, kita datang hari itu pakai warna biru, katalah ya ataupun hijau. Hijau lagi cantiklah... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Birulah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Hijaulah Tan Sri, alah ini...

Tuan Pengerusi: Birulah. Birulah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia sudah sebut yang pertama biru.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau...

Tuan Pengerusi: Yang akan *supporting* hijau juga.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau Kuala Krai, kita pakai hijaulah... *[Ketawa]* Kemudian datanglah seorang dengan warna kuning...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kuning.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...yang digunakan pada tiga hari lepas di kem. Jadi, macam mana?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak boleh.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak boleh ya?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak bolehlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi kuning...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Semua sekali *different*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Apa juga warna yang digunakan tiga hari lepas kalau datang lagi tidak boleh?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau warna ketiga mungkin tidak apa. Akan tetapi dua warna ini, warna yang itu tidak boleh.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Okey, cukup jelas ya Tan Sri. Sila *move on. Thank you.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, saya pergi ke muka surat ketiga. Undian awal ya. Draf pindaan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 telah digubal oleh Penasihat Undang-Undang dan sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Dulu kita sudah membuat pindaan kepada peraturan ini, berkenaan Pengundian Pos 2003 dan ini pun juga sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Pindaan berbangkit ya.

Seorang Ahli: Bila?

Tuan Wee Choo Keong: Nombor berapa itu Tan Sri? *Which number?*

Tuan Pengerusi: Nombor sembilan belas. Peraturan-peraturan Pindaan.

Tuan Wee Choo Keong: Fasal untuk *advance voting* ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pindaan berbangkit juga kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos).

Tuan Pengerusi: Pengundian pos, okey.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sedang disemak. Oleh sebab kita punya Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) memang perlu dipinda.

Tuan Pengerusi: Ya. *because* pengundi...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Oleh sebab sekarang ini... *of all* undi pos.

Tuan Pengerusi: *Advance voting.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Telah diperkenalkan sekarang undi awal.

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Peraturan tiga ya.

Tuan Pengerusi: Peraturan tiga.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Boleh ya...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Tan Sri, saya cuma hendak tanya, untuk pindaan ini bilakah *dateline* untuk dikuatkuasakan?

Tuan Pengerusi: *When you – has to be, ada fixed date.* 15 Februari juga atau Mac?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Because* ini perlu untuk...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Oh! Ya, yang tidak ada bantahan lagi dan semua itu.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *What is the exactly date? First of March or... Because ini digunakan.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Awal April.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu lama lagi pilihan raya ini. Okey, April.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Kena sampai seru, 2013 *next year*.

Tuan Pengerusi: Tahun depan. Campur tiga bulan lagi kuasa, bukan? Ada kuasa untuk...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Campur tiga bulan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tan Sri, *theoretically, when is the latest date before the election, theoretically?*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *The latest date, the dissolved.* Dewan Rakyat *dissolved automatically if Perdana Menteri tidak advise Agong.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: 28 April 2013.

Tuan Pengerusi: Ya. *Yes.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *That is the last for Dewan Rakyat.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Then, selepas itu pilihan raya.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Lepas itu dua bulan.

Tuan Pengerusi: Dua bulan, 60 *days*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *About 60 days* SPR ada masa untuk menentukan tarikh. Tarikh ditentukan oleh SPR dalam tempoh dua bulan iaitu paling lewat 28 *of June*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Next year* lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tahun 2013.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Means, next year* lah, senang... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau 28 Jun, SPR baru bagi tentu tarikh. Sambung lagi, ada dua minggu lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *The last is 28 June, not exceed than 28 June.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Within 60 days* lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Within 60 days.*

Tuan Pengerusi: Sabah punya *within 60 days*, SPR mesti umum tetapi proses perjalanan pilihan raya itu... *on top* selepas itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Eh! Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak. *Must within 60 days.* Okey. *So, maksimumlah. Alright,* sila.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Meaning, the polling day* mesti *within the 60 days.*

Tuan Pengerusi: Oh! Dulu Sabah lain sedikit.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Consider, will be in the next year.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak ada... *[Ketawa]* Saya cuma cakap, saya kata kalau orang tanya saya, *election before Jun 2013.*

Tuan Pengerusi: Itu pun sudah campur 60 hari. Okey, Tan Sri. *So,* ini kita jangkakan April. Peraturan-peraturan...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau boleh kita dapat lagi cepat.

Tuan Pengerusi: Tidak ini diwartakan, diwartakan ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Boleh, boleh.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, itu 15 Februari, okey.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu dakwat kekal dan juga OKU tadi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Berkenaan dengan yang 2(b), kebenaran agen calon di kem-kem tentera dan di premis polis, pihak SPR telah berunding dengan mereka dan telah memberikan *commitment* dan persetujuan. Dibenarkan ya, agen-agen parti masuk ke kem-kem, IPK dan IPD sebagai...

Tuan Pengerusi: Pemerhati?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pemerhatilah. Bahagian (c), jaminan terhadap keselamatan peti undi, kita telah pun mengadakan demonstrasi di sini menyatakan bahawa peti undi berkenaan memang benar-benar selamat dan kaedah pengisian borang-borang pun ditunjukkan di sini ya. Berkenaan dengan pengundi tidak hadir di luar negara, pada masa ini SPR telah pun melantik penolong-penolong pendaftar pemilih secara pukal, *bulk appointment* mengikut pos di semua *mission* kita di luar negara dan *Malaysian* yang ingin mendaftar di luar negara sebagai pengundi biasa ataupun pengundi tidak hadir boleh menggunakan sama ada *MyKad* ataupun pasport.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Pasport?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Passport, international passport,* ya. Ini kerana di luar negara Yang Berhormat, tidak ada yang bawa *MyKad.* Akan tetapi bagi *full time student. Malaysian student* ya, dia mesti menyertakan salinan kad pelajar mereka ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Full time student?*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, *full time student.*

Tuan Pengerusi: Pendaftaran ini Tan Sri...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tan Sri, ada... *Sorry*, ada banyak jenis *full time student*, contohnya di bidang perubatan. Mereka yang sudah dapat MBBS selepas itu mesti mengikuti *post graduate training* di hospital-hospital tertentu untuk *part one, part two, part three* dan sebagainya, *professional body*. Mereka mungkin tidak ada kad *student* itu kerana mereka sedang bekerja di hospital. Akan tetapi mereka memang *student*. Dia mesti lulus *part one, part two, part three*. Kategori itu bagaimana?

■1530

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *As long as* ada bukti menunjukkan mereka *student*.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: UKlah. Kebanyakan di UK.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Could be in the form of letter, could be in the form of...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey, okey. *Professional body* lah, dia mesti mengikuti kursus.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *As long as* ada bukti yang mereka ini *student – full time student*.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan Pengerusi: Dalam soal pelantikan penolong pendaftar ini, ini untuk mendaftar sebagai pengundi pos ataupun sebagai pengundi pertama kali? Dua-dua boleh?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dua-dua.

Tuan Pengerusi: Dua-dua boleh. Jadi, jika kita membenarkan rakyat Malaysia yang biasa kategori itu, bukan *student* bukan pegawai, kita benarkan sebagai pengundi pos.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya...

Tuan Pengerusi: Tidak hadir.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pengundi tidak hadir ini di luar-luar negara, itu pengundi poslah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Pengundi tidak hadir jadi melalui pengundian pos.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Mendaftar sebagai pengundi tidak hadir supaya layak sebagai pengundi pos. Ini mengikut keadaan undang-undang yang ada sekarang sebelum kita *expand to other Malaysian*.

Tuan Pengerusi: *Oh I see*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini hanya untuk pelajar dengan pegawai kerajaan, belum kita masukkan rakyat Malaysia yang biasa itu bukan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *I will go to that later*.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi, saya kata tadi...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Satu soalan. *So*, maksudnya kalau rakyat Malaysia kita di luar negara, dia pernah mendaftarkan diri dengan daftar pemilih – penolong pendaftar pemilih ini, jadi dia masih ikut alamat dia dalam pasport?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Alamat...

Tuan Loke Siew Fook: Maksudnya, dia hanya mendaftar sebagai pemilih biasa di kawasan yang mana alamatnya didaftarkan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: *So*, jadi dia masih – kalau untuk rakyat biasa, maksudnya walaupun dia boleh daftarkan diri di luar negara, dia masih kena balik untuk mengundi?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yalah. Kalau dia mendaftar diri sebagai pengundi biasa.

Tuan Loke Siew Fook: Sebab pengundi tidak hadir untuk sekarang kategori itu masih *limited* kepada pegawai kerajaan dan juga *full time student*...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Sekarang ini yang dibenarkan mengundi pos di luar negara dalam *Malaysian* yang *full time student* dengan pasangan, pegawai kerajaan dengan pasangan dan kita ada cadangan di sini. SPR pun *no objection*.

Tuan Loke Siew Fook: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Untuk meluaskan *Malaysian* yang berada di luar negara tetapi kita mesti tentukan syarat. Semua negara yang membenarkan rakyat mereka di luar negara mengundi secara pos tetapi mesti ada syarat. Ini kita sedang – dan tidak, *embassy* kita di luar negara tidak berupaya untuk membantu SPR untuk mengadakan undi yang dipanggil undi awal, akan tetapi kita kira lebih praktikal dan sesuai dan banyak dijalankan di luar negara dengan menggunakan undi pos.

Tuan Pengerusi: Itu perlu Jawatankuasa akan bincang panjang lebarlah syarat-syarat itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad : *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Syarat...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Yang cukai pendapatan itu saya bagi contoh sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: US – *United States of America* tetapi satu *paper* dia *code differently*. *They accept only one paper*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang lain rekodkan yang betul.

Tuan Pengerusi: Pihak SPR sudah mulai Tan Sri? Fikir-fikir syarat-syarat?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada. Kita...

Tuan Pengerusi: Ataupun itu di bawah topik lain?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada sikitlah. Saya – ya untuk maklumanlah, saya ingin menyatakan di sini, kita telah mengadakan perbincangan – kita mesti mengenakan syarat seperti *Singapore* ya, Singapura. Rakyat Singapura yang berada di luar negara yang boleh mengundi pos iaitu mereka ini pertama sekali mesti mendaftar sebagai pemilih.

Kedua, mesti berada di *Singapore* sekurang-kurangnya 30 hari dalam tempoh tiga tahun kebelakangan sebelum bulan Januari tahun pilihan raya. *That is Singapore* dan di *Singapore* pula warganegaranya yang layak mengundi luar negara mengundi di kedutaan *Singapore* tetapi bukan semua kedutaan. Hanya beberapa *embassy* sahaja ya yang dipilih, yang besar-besar. Negara-negara kecil tidak terpilih.

Di US, di Amerika Syarikat, perlu memohon sebagai pengundi tidak hadir – *absentee voter*. Kedua, perlu menjelaskan cukai pendapatan kepada kerajaan. Dia mesti *income tax payer*.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ketiga, mesti mengemaskinikan maklumat alamat di luar negara setiap tahun. Akan tetapi Amerika Syarikat mengamalkan sistem *proportionate* ya.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Australia. Pertama sekali pemilih perlu mendaftar sebagai pengundi dan dalam masa yang sama tidak boleh meninggalkan negara melebihi tempoh tiga tahun.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oh! Tiga tahun?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tiga tahun.

Tuan Pengerusi: Tiga tahunkah itu? Bukan enam?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau *more than three years*, tidak layak. Warga Australia akan hilang kelayakan mengundi jika meninggalkan negara tersebut melebihi tiga tahun. Jika seseorang warga Australia ingin untuk berada lebih daripada setahun di luar negara, mereka disyorkan untuk mengisi borang memberitahu mengenai ketiadaan mereka di negara tersebut dan dalam masa yang sama membolehkan nama mereka kekal dalam daftar pemilih. Makna tiap negara ada peraturan mereka sendiri tetapi Australia mengamalkan sistem *direct preferentials majority vote*.

United Kingdom – Yang Berhormat hendak melawat ya United Kingdom. Seseorang warganegara UK yang berada di luar negara perlu memohon sebagai pengundi tidak hadir, *absentee voter* iaitu sama ada sebagai mengundi pos ataupun *proxy*.

Tuan Pengerusi: *Proxy, proxy*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ini yang pernah saya sebut sekali. Saya sebut *proxy* sekali saya kena bantah *left and right* ya.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya bagi contoh sahaja itu. Maknanya pengundi pos ataupun *proxy vote*.

Seorang Ahli: Kita boleh benarkan *proxy* di sini?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Oh! *Very sensitive*.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *Very sensitive*.

Datuk Alexander Nanta Linggi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *Very sensitive*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Nama pengundi perlu ada dalam daftar senarai pemilih bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun semasa permohonan menjadi pengundi tidak hadir dibuat.

Tuan Pengerusi: Lima tahun?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Lima tahun. Di UK menggunakan kaedah *first past the post*. Di Canada, jika – dia boleh mengundi pos jika warganegara mereka tinggal di luar negara tidak melebihi lima tahun. Jika tempoh warganegara tersebut berada di luar negara melebihi lima tahun, mereka tidak layak mendaftar kecuali bagi keluarga anggota tentera. *This is Canada*. Negara ini mengamalkan *first-past-the-post*.

Di Thailand, seseorang warganegara Thailand mestilah tinggal di satu kawasan pilihan raya selama sekurang-kurang tiga bulan. Mereka perlu mendaftar sebagai pengundi - di Thailand ini boleh mendaftar sebagai pengundi pos.

Tuan Pengerusi: Oh! Di dalam negara?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, dalam negara.

Tuan Pengerusi: Lain-lain *province*? Beza ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Di Thailand *the combination – proportionate and first-past-the-post*.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi di pihak SPR sedang meneliti – ya?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tan Sri, bagaimana dengan keadaan di Taiwan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Di Taiwan kita ada...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kita tidak...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Oh! Baru sampai, okey... [Ketawa]

Beberapa orang: [Ketawa]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Belum sampai lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: So... [Ketawa]. Di peringkat SPR, kita sedang melihat contoh-contoh ini. Pertama sekali mesti mendaftar sebagai pengundi pos – sebagai pengundilah.

Kedua, tempoh itulah, *could be between three to five*. Kita akan bincang di peringkat panel SPR, bagaimana pendapat mereka. Jadi maknanya, tidak semua warganegara kita yang berada di luar negara layak untuk mendaftar sebagai pengundi pos. Kita mesti tentukan beberapa syarat sebagaimana yang diamalkan.

Tuan Pengerusi: Contoh negara lain. Okey. Bila kiranya pihak SPR ada rumusan untuk cadangan Jawatankuasa pertimbangan. Dua bulankah begitu?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dalam tempoh itulah, dua bulan.

Tuan Pengerusi: Ya, dua bulan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Macam tadilah.

■1540

Tuan Pengerusi: So, kemungkinan barangkali tidak sempatlah. Sebab dua, satu mahu ubah peraturan masukkan mereka kategori pengundi pos...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ini tidak melibatkan pindaan kepada undang-undang Yang Berhormat, ini cuma peraturan sahaja yang tidak perlu dibahaskan di Parlimen.

Tuan Pengerusi: So tidak payah asing, hanya masukkan kategori pelajar, *civil servant*, dan *other Malaysians* yang layak mengikut syarat yang ditentukan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Cuma di Jawatankuasa inilah Yang Berhormat, maknanya supaya tidak terlalu bila sebut undi pos sahaja sudah mengatakan tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Kami sudah mula memikir bahawa undi pos tidak semuanya tidak baguslah dari segi *transparency* dan penggunaannya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Soal *practicality* nya, itulah yang sebaik-baiknya kalau yang berada di luar negara.

Tuan Pengerusi: Ya, sebab *the practicality you have to be also practical* lah. Okey, teruskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu komen saya Tan Sri, kalau kita adakan had macam Kanada lah lima tahun, Australia tiga tahun, sistem imigresen kita juga kena *online* dengan SPR juga ini. Kalau tidak...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Imigresen dengan SPR tidak ada *online* tetapi kita boleh minta bantuan daripada Imigresen.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Boleh tengok *passport* lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab kita hendak *track them*. Setiap orang yang keluar daripada KLIA *recorded as leaving the country*. Akan tetapi dia pergi, dia balik dalam masa dua hari-tiga hari, dua minggu-tiga minggu. Ini orang yang duduk lebih, katalah kita buat lima tahun. Selepas lima tahun dia tidak layak mengundi. *So, the system must track him*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya lah, tetapi kalau *within that five years* dia pernah balik, kalau kita pilih *five years*...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Then the system have to track him again*. Dia balik tiga tahun *and then* dia balik pergi semula. *So, you must have a fantastic system on tracking people*. Imigresen sama dengan....

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *That one* kita *depend very much on* Imigresen lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Yeah, so you know its a lot of work*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, SPR kita tidak ada sistem...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *A lot of works*. Banyak kerja ini. *I can for see...*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi saya hendak penjelasan sedikit, seseorang ini yang mendaftar sebagai biasa dalam pendaftaran itu, dia pergi luar negara mungkin dalam tempoh dua tahun, dia hendak memastikan dia akan mengundi, dia mendaftar di sana sebagai undi luar negara, adakah secara automatik pendaftaran dia di dalam senarai daftar pemilih tutup?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak hadir? Tidak, dia kena memohon. Dia kena memohon walaupun...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sebab kita tidak bimbangkah, kalaulah seseorang itu dia undi awal di sana undi pos, selepas itu dia balik cepat dia mengundi lagi?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak, di luar negara kita ada....

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ada kemungkinan nama dia ada dua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu yang sedang kita berusaha membersihkan supaya tidak berlaku mereka yang telah mendaftar diri sebagai pengundi pos, kalau sebelum ini dia tentera ataupun polis kemudian dia menjadi orang awam, dia mendaftar diri sebagai awam dia terlupa potong nama dia dalam daftar pemilih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bukan tentera yang biasa, orang-orang awam.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu potong. *Once they apply* sebagai *civilian*, dia potong automatik.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apa yang dimaksudkan Yang Berhormat Kapit, dia ini duduk di sini, dia daftar mengundi di Kangar umpamanya, selepas itu dia ke pergi ke Kanada duduk di sana, kerja di sana, kahwin orang sana, duduk tiga-empat tahun dia daftar sebagai pengundi tidak hadir, adakah nama dia di Kangar ini *automatically* akan dipotong?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Potong.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Potong. Okey, soalan kedua. Dalam tiga tahun itu, dia balik.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi dia mesti memohon lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia mohon di Kanada di Montreal misalnya. Dia daftar sebagai pengundi tidak hadir. Tidak ada pilihan raya dia pun baliklah selepas tiga tahun-empat tahun dia balik, *business* dia habis, dia cerai kah, dia balik semula, dia hendak daftar ke sini tidak sempat hendak daftar di sini, tetapi bila datang pilihan raya, dia hilanglah kelayakan dia hendak mengundi sebab dia didaftar sebagai pengundi tidak hadir. Betul kah macam itu?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau nama dia masih lagi dalam pengundi tidak hadir, dia masih layak mengundi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi mengundi di luar negara?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Akan tetapi dia mengundi di sinilah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia tidak boleh, dia tidak mengundi di sini.

Tuan Pengerusi: Dia boleh *transfer* balik.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi dengan syarat kertas undi dia...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak boleh. Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Ya, dia kalau di Kanada mesti dia di Kanada lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Undi *postal voter* dia tidak boleh. Syarat utama undi *postal voter* ...

Tan Sri Datuk Dr. Fong Chan Onn: Undi mesti undi luar negara lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Yes, in other word* dia hilang kelayakan dia mengundi.

Tuan Pengerusi: Kecuali dia pindah balik lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kecuali bila dia balik sahaja, dia pinda *immediately* lah.

Tuan Pengerusi: Ya, pinda balik.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau dia tidak sempat pinda, bermakna dia hilang kelayakan mengundi sebab dia masih didaftar sebagai undi pengundi tidak hadir.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia tidak layaklah undi biasa.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Rasah, kita kena maju.

Tuan Loke Siew Fook: Ya Tuan Pengerusi, saya cuma hendak mengatakan bahawa saya tujuan kita hendak memperluaskan pengundi tidak hadir ini kepada rakyat Malaysia di luar ialah kita cuba memudahkan proses itu kepada mereka. Jadi, saya rasa dengan pelbagai kekangan kalau kita hendak letakkan banyak syarat ini, syarat sama ada bayar cukai, sama ada boleh kembali atau tidak, saya rasa sistem yang sedia ada ini tidak dapat memangkinkan atau memudahkan proses ini.

Jadi, saya rasa kalau kita hendak memikirkan untuk memberikan hak ini kepada pengundi di luar negara, syarat-syarat itu perlu dikurangkan atau diminimumkan seminimumnya. Kalau kita terlalu banyak syarat-syarat ini, ia akan menyusahkan proses itu dan kita boleh nampak ada kemungkinan untuk memperluaskan peluang ini kepada rakyat kita di luar. Ini *concern* saya. Yang keduanya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya tetapi kita belum sampai ke tahap itu, baru *general discussions*. Nanti SPR akan umumkan...

Tuan Loke Siew Fook: Yang keduanya, saya rasa di Amerika saya pernah di *brief*, dia kata kalau seseorang hendak meminta untuk menjadi pengundi tidak hadir ataupun *postal vote*, dia boleh memohon mungkin beberapa minggu sebelum pilihan raya, dia punya *dateline* itu bukannya sepanjang masa. Katakan kalau dia, tidak timbullah masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kangar, kalau dia sudah balik, dia tidak boleh jadi pengundi biasa. Jadi mungkin ada *dateline* sebelum pilihan raya dua minggu atau tiga minggu mereka boleh mendaftar sebagai pengundi tidak hadir kalau mereka berada di situ ketika musim pilihan raya. Kalau tidak mereka pengundi biasa. Jadi kita mungkin boleh kaji dari segi itulah.

Tuan Pengerusi: Ya, *I think* boleh.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itulah Yang Berhormat, saya *have always said that the level of trust*. Kita memerlukan masa ini untuk mendaftar, menyemak, mempamerkan, boleh di bantah, kemudian ada perbicaraan *because of that* supaya *everybody happy*. Akan tetapi banyak negara memang mudah, esok hendak pilihan raya petang ini boleh daftar. Di Australia *very simple*. Tidak ada *objection*, dia kata esok dia hendak bekerja luar negara, '*I want to register as a postal voter*'. Okey. Akan tetapi undang-undangnya membenarkan seperti itu. Kalau kita hendak membuat seperti itu juga, undang-undang kita perlu diubahsuai dan dipinda. Jadi dalam kes sekarang ini Yang Berhormat, yang berkenaan dengan cukai itu kita tidak akan ambil itu sebagai satu syarat.

Akan tetapi *at least* dari segi tempoh, kita tidak mahu orang Malaysia kita yang berada di luar negara langsung tidak tahu berkenaan dengan negara dia. Akan tetapi Malaysian dia hendak mengundi juga jadi kita ikut mana yang maksimum *five years* the minimum *about three years*. Jadi *at least in between* kita sama dengan negara-negara Komanwel yang lain, itulah maksud saya tetapi keputusan belum buat lagi.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti buat cadangan muktamad *when SPR is ready* untuk dibentangkanlah. Okey, apa lagi perkara?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Berkenaan dengan pembersihan daftar pemilih. Berkenaan pemilih awam ragu ini, yang 40,051 sudah tamat *extension duration* nya yang kita beri sehingga 31 Januari 2012. akan tetapi *unfortunately* Tuan Pengerusi, sehinggalah pada tarikh itu sehingga sekarang ini pun masihlah 50 itu dan 50 orang memberi yang *feedback*. Daripada 50 itu apabila kita semak dengan JPN hanya 26 sahaja yang didapati okey.

Tuan Pengerusi: Tulen? Tulenlah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang 24 tidak.

■1550

Tuan Pengerusi: Tidak. *So I think* ini – *that list is a default list* sudah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi, kita di peringkat SPR akan menelitinya, bagaimana hendak memastikan yang 42,000 orang ini untuk – mengikut penasihat undang-undang kita, pada masa ini tidak semudah mana untuk memotong nama pemilih ini daripada daftar pemilih tetapi dalam masa yang sama kita juga hendak membersihkan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Daftar pemilih itu sebagai bersih daripada nama-nama yang tidak sepatutnya berada di situ. Contohnya, yang 42,000 ini pun saya hantar kepada MIMOS supaya dapat membantu macam mana hendak...

Tuan Pengerusi: Okey. *Run through...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bukan itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: SPR pun hantar juga yang 12.4 juta itu. Macam mana hendak...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kawasan saya, saya terima kawasan saya itu tetapi lewat. Saya cadangkan supaya dihantar kepada Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri. Saya dapati bahawa tidak ramai daripada mereka dapat terima senarainya. Saya terima oleh kerana saya duduk sinilah. Saya terima, saya bawa balik.

Jadi, apabila saya baca dalam perjumpaan-perjumpaan – katalah ada satu DUN, Bintong, ada 20 orang. Saya baca, adalah empat atau lima orang itu dia boleh beritahu ada tetapi duduk terlantar di rumah. Kebanyakannya sakit yang umurnya 94 tahun atau 90 tahun lebih tetapi masih hidup mereka kata. Hidup ini. Lain ini sudah meninggal semua orang kata. Ini kerana apabila saya baca depan orang ramai dalam perjumpaan – tetapi *out of 20, at least four or five still alive*. Jadi bermakna kalau *you* potong, tidak adillah kalau dia *report still alive* ini...
[Disampuk] *Over 90 years.*

Kebanyakannya *over 90 years*. Ada yang *over 100 years* dan yang *over 100* itu kita tahulah sudah meninggal. Akan tetapi ada yang *over 90* tahun lebih itu, ada lagi. Dia kenal. Ini bapa saudara emak dia. Kebanyakan mereka kenal tetapi kebanyakannya sakit dan uzur. Ada satu dua orang itu masih kuat lagi, tidak boleh berjalan tetapi bercakap okey lagi. Begitulah. *The respond was, at least out of 20*, adalah empat atau lima orang *from my* kawasanlah yang *still alive*. Itu yang saya hendak maklumkan itulah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi untuk yang 42,000 ini, di pihak SPR telah mengemukakan nama-nama itu kepada semua wakil-wakil parti-parti politik untuk membantu SPR dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dari segi masa pun kita sudah panjangkan dari sebulan...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: SPR berpandangan kita tidak perlu panjangkan lagi masa ini. Perkara ini akan dibawa dalam mesyuarat panel SPR untuk membuat keputusan berkenaan dengan 42,000 orang ini sebab *otherwise* SPR akan ditohmah macam-macam mengatakan sepanjang masa daftar pemilih kita tidak bersih dan kita telah berusaha satu...

Tuan Pengerusi: Satu langkah sahaja lagilah. *MIMOS run through the JPN* dan lihat di situ mana yang IC yang seperti yang dikatakan tadi daripada 40, 20 lebih pun suspek ataupun tidak mempunyai dokumen yang betul. *So from there, some more sieving, then finally* SPR *decide* yang tulen tetapi tidak pernah keluar mengundi atau pun sakit.

Datuk Abdul Wahab Abdullah [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. *Can you do that?* Sudah buat? Belum?

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Tuan Pengerusi, senarai yang kita terima daripada SPR ialah 12 juta.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Abdul Wahab Abdullah: 12,380,166.

Tuan Pengerusi: Ya. Itu jumlah pengundi.

Datuk Abdul Wahab Abdullah: *Yes. Then* rekod yang seperti yang saya sudah beri laporan kepada...

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi yang 42,000 orang ini, sudah *run through* kah ini?...

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Senarai 42,000 orang ini saya tidak tahu sama ada di bawah 12 juta atau asing. Kalau berasingan dan tidak beri pada saya, saya akan *run through again*.

Tuan Pengerusi: Ya. *Maybe run through...*

Datuk Abdul Wahab Abdullah: *Basically a quadrillion data configuration.*

Tuan Pengerusi: Ya. *I think* minta yang 42,000 orang itu, *just run through...*

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Yes.

Tuan Pengerusi: Buat *sieving* kalau ada lagi yang IC nya tidak ada dalam rekod seperti yang *testing* sekarang ini. *I think another sieving process.*

Tuan Loke Siew Fook: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Tan Sri, dalam mesyuarat lepas, saya masih ingat bahawa JPN kata bahawa mereka telah *run through* pun 42,000 itu yang tidak ada dalam *database* Jabatan Pendaftaran Negara. Maksudnya mereka tidak ada maklumat mereka dalam daftar kewarganegaraan kita. Jadi sama ada mereka tidak ada MyKad atau pun tidak ada sijil warganegara kalau untuk orang dahulu-dahulu. Jadi kalau begitu, maksudnya mereka tidak ada status kewarganegaraan bagi 42,000 ini. Saya rasa itu satu kategori yang tidak boleh dipertahankanlah kalau dia tidak ada taraf kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Kecuali kalau ada kesilapan.

Tuan Pengerusi: *I think* ada kesilapan.

Tuan Loke Siew Fook: Keduanya ialah kita selalunya ada masalah bahawa dalam daftar pemilih kita ada yang melebihi 100 tahun dan sebagainya. Saya rasa pun itu dalam kategori 42,000 orang ini bukan, Tan Sri?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang 42,000 orang ini bukan maknanya semua orang yang berumur 100 tahun, tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada yang berumur 100 tahun dan dia *exist* dan aktif dengan JPN tetapi yang 42,051 orang ini, *according to the JPN, they are not exist but SPR as not as simple as just to drop the name*, itu sebab keputusan kita pamer...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tiga bulan, daripada November, supaya saudara-mara atau *relatives* dia memberitahu SPR ataupun JPN yang dia ini masih *exist*, dan kalau masih *exist*, buktikan dengan JPN.

Tuan Pengerusi: Itulah saya katakan tadi. Walaupun katakan *they do not exist* tetapi apabila yang 42,000 orang yang timbul itu, 24 adalah sah dan laporan daripada Yang Berhormat Kangar...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ia kebanyakannya kad pengenalan itu...

Tuan Pengerusi: Empat daripada 20...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Salah nombor.

Tuan Pengerusi: Salah nomborkah, salah kepala...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Salah nombor dia.

Tuan Pengerusi: Nama itu betul.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Orang itu ada. Jadi kad pengenalan itu salah satu dua angkakah dan begitulah lebih kurang, kebanyakannya, yang 4 atau 5 orang yang *alive* itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ataupun mungkin dia ada kad pengenalan yang lain. *We do not know.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau kad pengenalan salah Tan Sri, memang dia tidak boleh mengundi pun. Kalau dia bawa kad pengenalan itu, nombor kad pengenalan dia dalam daftar pemilih lain daripada kad pengenalan yang dia bawa, memang SPR pun tidak boleh keluarkan undi kepada mereka.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak, dia mendaftar sebagai pemilih kad pengenalan dia yang lain, nombor lain, nama dia. JPN yang tidak ada. *All possibility. So,* itulah sebabnya kita pameran supaya dia boleh *identified.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Tuan Pengerusi, saya cadangkan *the 45,000* itu *give it to me, I run through the current list and see* sama ada, ada nama yang timbul semula *because we have done some. We have seen some already show up.*

Tuan Pengerusi: Ya. *So, run through final one...*

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Yes.

Tuan Pengerusi: Kita tengok nama ada, IC berbeza barangkali.

Datuk Abdul Wahab Abdullah: Yes.

Tuan Pengerusi: *Then, sort it out and then* baru kita serah semula kepada SPR.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, apa juga *effort* untuk *remove* yang 42,000 ini baguslah sebab kalau dia bukan pengundi sebenar. Cumanya bagi kamilah daripada parti politik, umur 95 tahun ke atas ini *is the least of the problem.* Kalau mereka hendak tipu IC dia, orang muda datang dengan umur 95 tahun, kita akan berperanglah dalam bilik tempat mengundi itu untuk menghalang daripada mengundi. Orang 95 tahun ini kita boleh bayangkanlah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jangan perang Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya?

Tuan Pengerusi: Perang cakaplah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Perang mulutlah. Saya...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu sebabnya kita letak agen parti depan pintu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, betullah itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kita sudah setuju.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Cuma saya hendak bincang balik tempat kedudukan itu sebab agak jauh untuk tengok dakwat.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Betulkan itu, jauh dan tidak nampak. Saya sudah buat simulasi di... Apabila pengundi masuk, antara *polling agent* yang hendak tengok, bukan dengan nombor IC lagi, hendak tengok ada atau tidak dakwat sebab dia *polling agent* hendak *make sure* pengundi itu belum mengundi. Dengan lokasi yang kita pameran hari itu...

Tuan Pengerusi: *So*, bila hendak simpang masuk...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak nampak.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tunjuk jari mana?

Tuan Pengerusi: 1Malaysia itu pun kenakah?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Hah! Itulah. Akan tetapi tidak nampak. Nasib baik tangan kiri, 1Malaysia tangan kanan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Okey, *anyway*, jadi maksud saya ini, umur 95 tahun ini *is the...*

Tuan Pengerusi: Dia boleh pilih kanan atau kiri.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *No, no*, kiri sahaja. Kita sudah putuskan hari itu kiri sahaja.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Kalau dia tidak sanggup kiri baru pergi kanan, bukan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau tidak ada kiri...

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Baru kanan, bukan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, kanan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi 1Malaysia itu opsyen kedualah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi, yang umur 95 tahun ini kalau pun kita gagal untuk *remove* ya, kalau orang itu datang *dengan stretcher* umur 95 tahun, kita boleh kenal.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya lah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau orang muda datang – ini tugas *polling agent*lah. Maksudnya kalau kita tidak dapat hendak *remove* kerana ada permintaan Yang Berhormat Kangar misalnya, *I think we...* Kita tengoklah, kita cuba sebaiknya tetapi perlu *remove* juga. Kadang-kadang ada orang yang betul-betul 95 tahun sihat.

■1600

Tuan Pengerusi: Masih kuat lagi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Nanti disamannya SPR, letih juga SPR dibuatnya...

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Okey, *so that is why* kita serah data balik sama sana, *look for duplication* ataupun lapor balik.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Dilaporkan 42,000 itu...

Tuan Loke Siew Fook: Ya, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: *Then, we will* serahkan kepada SPR untuk buat keputusan.

Tuan Loke Siew Fook: Sebentar tadi pihak MIMOS kata sudah *run through* 12 juta *database* itu. Cuma saya hendak minta kalau boleh sama ada *Committee* ini boleh *dibrief* bagaimana caranya ataupun apa hasil kajian daripada *run through database* itu.

Tuan Pengerusi: Saya telah diberi taklimat tadi, saya cadangkan ini dibincangkan dalam Jawatankuasa Kecil sebab banyak data lagi yang belum siap. *So*, Jawatankuasa Kecil kita punya daftar. Saya hendak panggil mesyuarat minggu depan. Okey, Tan Sri ada lagi?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Berkenaan dengan pindaan *locality* ini, yang dulu kita di peringkat SPR pada tahun 2009 – 2010 sebelumnya, ada membuat pindaan *locality* sebab salah mereka ditempatkan, *locality* ini. Contohnya mereka sangkakan *locality* mereka itu di Hulu Selangor, contoh. Akan tetapi sebenarnya mereka ini duduk di Selayang, Gombak. Ini yang dibetulkan. Akan tetapi keputusan telah dibuat, sekiranya pindaan kepada *locality* ini menyebabkan bertukarnya *one ADUN* ke *another ADUN* or *one Parliament* ke *another Parliament*, ini tidak akan dibuat.

Seorang Ahli: ...Jadi, kekal yang lama...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kekal yang lama. Kita tunggu masa persempadanan semula esok sebab ia akan dipamerkan, *objection* boleh dibuat dan sebagainya, barulah perkara ini akan dibawa. Akan tetapi mengikut seksyen 7 sekarang ini, Akta Pilihan Raya, SPR dibenarkan membetulkan *locality* ini, yang salah. Akan tetapi apabila membetulkan *locality* yang salah, dia kadang-kadang melibatkan pindah DUN, pindah Parlimen. Ini, kita tidak akan lakukanlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tan Sri berkaitan dengan ini, kita telah membuat sedikit – parti telah membuat sedikit usaha dan hendak memaklumkan kalau ikut *exercise* yang dibuat ini memang ada, di antaranya Petaling Jaya Selatan dengan Puchong. Ia melibatkan dua Parlimen yang berbeza. Taman-taman yang *locality* nya dipindahkan. Jadi, saya mendapat maklumat perkara ini memang kalau diteruskan kita akan bawa ini kepada SPR. Akan tetapi ternyata berubah kawasan DUN dan juga Parlimen. Jadi...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tahun bila itu?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ini yang terbaru, yang 2011 ikut *locality* ini. Bila yang terakhir? Tahun 2010?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tahun 2010.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tahun 2010 itulah. Jadi, memang melibatkan antara Kinrara dan satu lagi DUN yang berhampiran. Akan tetapi dalam dua Parlimen, DUN tukar, Parlimen pun bertukar. Jadi, saya rasa ini kena diambil perhatian. *[Disampuk]* Oleh sebab kita khuatir kalau tidak ada kelulusan ini, daftar pemilih kita pun menjadi rosak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Berhormat, yang saya difahamkan ia sebenarnya bukan memindahkan ataupun menukar sempadannya. Dia membetulkan kesilapan *locality* yang salah. Jadi, apabila digunakan GIS, *computerize* GIS. Jadi, dapat dengan jelas bahawa kumpulan ini bukan dalam DUN berkenaan. Dia sepatutnya DUN yang ini. Jadi, adalah *very sensitive* jika sekiranya dilaksanakan, melibatkan perubahan DUN. Akan tetapi kalau DUN yang sama tidak apa ataupun Parlimen yang sama. Oleh kerana itu, hal berkenaan dengan pemindahan *locality* ini telah diberhentikanlah. Selain daripada itu, berkenaan dengan daftar pemilih dengan alamat lengkap pemilih.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: SPR...

Tuan Pengerusi: Daftar pemilih yang tidak lengkap.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Membekalkan alamat penuh pemilih dalam daftar pemilih induk kepada parti politik. Maknanya, yang ini dalam daftar pemilih kita nanti parti-parti politik akan dibekalkan juga dengan alamat penuhnya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang keempat itu, sama dengan MIMOS. Kita...

Tuan Pengerusi: Ya, MIMOS nanti kami panggil Mesyuarat Jawatankuasa Kecil bersama dengan SPR dan JPN minggu depan, akan ditentukan dan kita akan *run through the result so far* sebelum bawa ke sini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Kelima adalah pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan. Yang ini, di peringkat ini mengesyorkan supaya dipanjangkan daripada tujuh hari kepada 14 hari. Akan tetapi ya, pada dasarnya kita bersetuju dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perkara ini, di mana mungkin akan diubahsuai dengan pindaan yang berbangkit.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, untuk bantahan daripada tujuh hari ke 14 hari, bila dapat dilaksanakan? Oleh kerana untuk suku ini masih tujuh hari.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Masih tujuh hari.

Tuan Loke Siew Fook: Rang daftar itu hanya dipamerkan semalam, bermula daripada semalam kalau tidak silap saya. Ia akan berakhir pada 14 Februari. Jadi, hari bekerja hanya lima hari sahaja, tujuh hari itu termasuk hari minggu, Sabtu dan Ahad. Jadi, memang masa yang tidak mencukupi untuk kita *go through* semua data-data itu. *So*, saya minta sebab syor ini telah kita luluskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi belum...

Tuan Pengerusi: Peruntukan belum diubah.

Tuan Loke Siew Fook: Cuma kita hendak ada satu komitmen daripada SPR, bila boleh dilaksanakan?

Tuan Pengerusi: *The next one* lah, *I think* boleh. *Next quarter*. Okey, kali ini belum boleh, sudah buka. *So, next quarter*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: April lah, April. *Next quarter, insya-Allah*. Ketelusan proses mengundi, ini pun telah... tadi Yang Berhormat. Akan tetapi ini... [*Membuat demonstrasi*] Kalau dia tidak nampak daripada jauh, Yang Berhormat takkan hendak letak di tepi pintu pula ataupun...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Maksudnya kalau *previous practice* Tan Sri, dia masuk itu sebelah kanan *polling agent*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya. Kanan atau kiri.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bagi yang masuk itu kita boleh tengok sudah bukan, antara benda yang dia hendak kena tunjuk ialah jari dia.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang ini dia berhadapan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ini berhadapan dan ia tidak akan rapat kepada kita. Paling dekat pun kerani ketiga itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, dekat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ha?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia akan datang dekat. Dia tidak akan tunjuk daripada pintu Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia berjalan, dia tunjuk...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi, kalau *polling agent* minta tunjuk, rapat sedikit boleh mungkin. Tidak begitu?

Tuan Pengerusi: Nanti. Setiap pengundi diarah oleh Pegawai SPR...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: KTM, KTM.

Tuan Pengerusi: Masuk sahaja angkat tangan, tengok.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia tunjuk.

Tuan Loke Siew Fook: Undi roket ini Tan Sri, undi roket... [*Sambil menunjukkan cari telunjuk*] [*Ketawa*]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Satu pakatan.

Tuan Pengerusi: 1Malaysia... [*Ketawa*]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Apa-apalah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Satu orang satu undi. Itu ertinya ini... [*Menunjukkan jari telunjuk*] [*Ketawa*]

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *So, all this* latihan, tatacara dan semua ini perlu dijalankan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Semasa di sini itu, jari Yang Berhormat cuma *one line only*, bukan?

Tuan Pengerusi: *Yes, yes.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi sebenarnya ia *full*.

Tuan Pengerusi: Masukkah? Oh! Semua kuku.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Penuh, penuh di sini. Sampai bawah. *The actual one.*

Tuan Pengerusi: *So, the full...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dalam memilih *polling agent* ini kena yang mata terang sedikitlah ya.

Tuan Pengerusi: Waktu itu...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Oh! Kenalah pilih yang mata terang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Yang *color blank* pun tidak bolehlah nampaknya.

Tuan Pengerusi: Waktu itu Yang Berhormat Kuala Krai masukkan dia punya *finger*. Itu satu cara ya. Macam itu – *expensive*. *So just* isikan kuku.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Yes*, benar.

Tuan Pengerusi: Okey, ramailah kita masa pilihan raya ini dengan macam-macam...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Berkenaan dengan OKU pun sudah boleh ya. Nombor siri...

Tuan Pengerusi: Dikekalkan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ikut yang dulu, dikekalkan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi cadangan dulu, kita bincang satu lagi itu, yang *computer code* itu. *Bar code? Maybe in future* lah. *At least* ketara pakai...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Waktu itu pula hendak kena baca Yang Berhormat. Kena baca *both*.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi jaranglah ada kira semula *I think*, berapa juga. Tidak banyak, akan tetapi setakat ini kita kekalkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bolehkah kita cadangkan Tan Sri, supaya buku yang mengandungi kertas undi ini dipilih *at random* lah, jangan ikut *in serial*. KTM itu diberi kuasa untuk memilih. Katalah ada tujuh buku, saluran pertama 350, tujuh buku minimum. Jadi, jangan pilih buku nombor satu, nombor dua atau nombor tiga. Pilih – dia ambil *at random*. Bagi kepada kerani pengundian itu supaya *you cannot track the serial number*.

Tuan Pengerusi: ...*Disorder* lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itu sahaja, *simple. Very simple.*

Tuan Pengerusi: *I think* boleh fikirkan. *Meaning* kalau...

■1610

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tuan Pengerusi, kita ada proses mengira itu pun – penting juga, dikatakan buku ini berapa yang sudah habis, *this book, this book*. Kalau Tuan Pengerusi masih ingatnya, siri ini sampai sini sudah habis satu buku. Mungkin dari segi dalam satu buku, kita ambil *random*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Probably*. Akan tetapi, kalau buku pun hendak diambil in *random*...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dalam buku itu ambil *in random*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Okay. Can. Whatever is to minimize*, kita mengurangkan syak wasangka ini kerana ada pihak-pihak mengatakan kononnya boleh *track*. *Saya challenges you can track. You cannot track.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak boleh. *Impossible*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau memorinya...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mana. Memori tidak boleh.

Tuan Pengerusi: *Only the first 30*lah. Tidak adalah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau dibuat *you*...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tan Sri, kalau seperti di Sabah Sarawak ini pengundinya 60 sahaja kadang-kadang, boleh ingat siapa masuk nombor dua, nombor tiga. Akan tetapi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: 60 kalau gunakan...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau masuk nombor satu, nombor tiga pun Yang Berhormat, dia mungkin bawah, mungkin tengah, mungkin atas. Dia bukannya...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, ia pakai siri mulai 100. *So*, dia boleh *memorize the first ten people* yang masuk itu sebab dia perlu beri kertas undi. *So* semasa pengiraan, dia hendak *check* satu orang itu senang dia ingat dia nombor lapan itu...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi dia tidak tahu siri.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, tidak tahu siri.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak tahu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *At random*. Buku itu koyakkan...

Tuan Pengerusi: *No*. Kalau tadi bukan *random*, dia boleh ingat susunannya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya ingat tidak boleh *track* bukan? Walaupun *serial* itu *running number* tetapi yang datang mengundi bukan yang mengikut...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sirinya tidak ada.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kalau saya 'A' bukan, atas ataupun IC saya, saya mungkin turun pukul 5 petang. Turun pagi memang...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, itu yang saya katakan – *Only for the first few, first* lapan orang, mereka boleh tahu dari sini apa *serial number* orang itu masuk. Selepas itu susah ingat sudah. So...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *The ballot papers* kita minta dia beri *at random* daripada buku 50...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *That is why...*

Tuan Pengerusi: Itu boleh. *Within the book...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tan Sri, itu yang saya bangkitkan dahulu. Isu nombor siri ini, bukan kerana ia akan boleh di *trace*. *But once with number*, itu yang kata – Kita tahu. Kita akan tahu di mana *you* mengundi sebab nombor ada. *No*. Ini ugutannya begitu. Jadi, pihak-pihak tertentu mendengar ini – Kita pun kalau kita boleh berbahas panjang, ertinya *the doubt still there*. Jadi kalau orang tertentu kata kita tahu, ikut mana pun kita tahu, walaupun sebenarnya tidak tahu tetapi cukup kerana kita ada nombor. Kalau kita tidak ada nombor, apa hujah orang hendak kata kita tahu, tidak ada nombor di situ. Jadi, itu yang kita tuntutan supaya kertas undi itu tidak ada nombor.

Tujuannya bukan kita risaukan *stuffing of the box which* – Setahu saya dalam sejarah kita tidak ada berlaku *stuffing of the box*. Tidak ada. Tidak ada pernah dilaporkan. Jadi, bukan itu isunya. Isunya, *fear of being known*. Oleh sebab itu dia mengundi ikut *fear* dia. Apa yang kita hendak elak, yang kami minta itu sedemikian. Isu kalau *stuffing* benar-benar berlaku, itu yang kalau ada *bar code*, itu boleh kita aturkan. Mungkin dalam peraturan ini saya hendak mencadangkan, kalau dalam peraturan 19(3) mengenai menindik kertas undi ini. Praktis sekarang, kita tindik di kertas undi, atas kertas undi, bukan di ekornya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Di atas.

Tuan Pengerusi: Di atas.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak. Kalau kita hendak buat, hendak esok kalau berlaku *stuffing* dan kita hendak tahu yang mana undi sah atau tidak, apakah tidak boleh kita buat satu surat hantar JPJ untuk mengesahkan sudah habis bayar itu, ditemukannya surat dua itu, cop itu seperti juga tindik ini, ditindik atas *counterfoil* dan juga sekali.

Jadi apabila ditemukan, salah ia. Kalau kertas yang tidak sah, ia tidak akan ada ia punya *counterfoil* nya. Jadi itu kalau berlaku boleh. Akan tetapi apa yang hendak kita perjuangkan tidak ada nombor ini kerana hendak mengelakkan *fear*. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *Just a fear* sahajalah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Unfounded fear or founded fear, that is one thing tetapi fear.*

Tuan Pengerusi: Okey. Kita putuskan tadi. *When they come in block, within the block* jangan disusun nombor satu hingga 20, 21. *Just put at random within that – I think just to...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Random* tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh sudah. *It is because we do not know who and who.* Apa yang penting, *you will come* – Kalau ada *extra* pun, *you can trace back to the foil already.* *So I think* itu boleh Tan Sri. Sila. Ada lagi?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Okey. Ini berkenaan dengan pemansuhan proses pencalonan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu sudah tidak ada lagi. Akan tetapi, bagaimanapun...

Tuan Pengerusi: Sudah wartakan. Itu yang mahu diwartakan April.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Belum warta.

Tuan Pengerusi: Akan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi ini pun kita sedang mengkaji apakah undang-undang yang perlu dipinda, diubahsuai supaya Perkara 48, Perlembagaan itu masih boleh dikuatkuasakan oleh RO. Jadi maknanya *not everyone* can register, boleh *get through* begitu sahaja. RO boleh *check* sama ada orang berkenaan layak ataupun tidak walaupun tidak ada bantahan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pemansuhan tempoh penarikan diri balik. Itu pun...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dahulu kita buat ubahsuai dalam pindaan yang telah dikuatkuasakan pada 16 Jun 2011. Mula-mula dahulu tiga hari tetapi kita buat pindaan *next day* pukul 12. Akan tetapi Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya dimansuhkan.

Tuan Pengerusi: Kita akan mansuhkanlah. Tidak payah. *So,*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi itu pun kalau perlu dipindahkan.

Tuan Pengerusi: *So,* bulan April boleh buat warta?

[Berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Kalau April itu masih sempat lagilah untuk Jun *next year.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Seterusnya berkenaan dengan pengukuhan SPR...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sebelum itu Tan Sri, bantahan itu ditiadakan ya.

Tuan Pengerusi: *No.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ditiadakan. Jadi, kalau yang menentukan nanti *Returning Officer* atas kebijaksanaan. Kalau ada perkara-perkara yang tidak dipersetujui, di bantah di mahkamahlah begitu atau bagaimana?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Sekarang ini kuasa kita boleh usul ditangguh, untuk bantah *according to article*, ataupun *there is one paragraph*, yang tidak mematuhi peraturan kita boleh tolak, tetapi ia mengikut peraturan, pengundi...]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Bankrapkah apa..?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Tidak. Itu... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Mana dia hendak tahu bankrap atau tidak itu? Siapa yang hendak menimbulkan bankrap itu? Ini kerana kita sudah tidak boleh membantah sudah ini. *Who will raise the issue?*

Tuan Pengerusi: *Returning Officer. I out* sudah.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: ...Disahkan. *So* kita adalah pihak yang berkuasa untuk mengesahkan. Kita *just* sahkan bersih, calon itu kita luluskan. Sekiranya beliau bankrap, kita perlu tahu bahawa pencalonan kita...

Tuan Pengerusi: Biasa pun kita buat. *Special branch check on the channel.*

Tuan Loke Siew Fook: Setiap pusat penamaan ada pegawai Jabatan Insolvensi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *We usually check on each other* juga, dia layak atau tidak. *We compile all the calon...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, mengikut peraturan yang saya tahulah, bantahan yang utama sekali ialah dia seorang bankrap. *That is the main criteria* selain daripada dia bukan orang Malaysia, dia bukan – Itu kita tahulah. *It is okay.* Akan tetapi orang bankrap. Apabila dia bankrap, dia tidak layak jadi calon. Selepas daripada itu, *the other one is for not returning.* Saya ingat itu *forget about returning*, tidak usahlah. *Returning*, apa semua ini. *Forget about it.* Tidak pernah saya dengar cerita orang yang *objection* kerana dia tidak...

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Yalah but I think that is not relevant. Bankruptcy the most important thing. Apabila seseorang itu bankrap...*

Tuan Pengerusi: *Constitution* ataupun...

[Berbincang sesama sendiri]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Kalau tidak, ia very difficult for you determine.*

Tuan Pengerusi: *Constitution.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Constitution.*

Tuan Pengerusi: *Election return is...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Ya. Kita hendak beri...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Bankrap ada apa?*

Tuan Pengerusi: *So we stick to the Perlembagaan.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Bankrap, saya cadangkan supaya setiap calon bawa certificate daripada Registrar of Insolvency mengatakan dia tidak bankrap. Itu sahaja.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *And also that his file return.*

Tuan Pengerusi: *Actually this dua sahaja.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *The file in return should be in borang, dia sign. Itu cukuplah.*

■1620

Tuan Pengerusi: *I think boleh, officer boleh check dengan somebody.*

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: *As simple as possible, supaya semua bertanding masuk, asalkan dia qualified, dia tidak bankrap, dia bagi akuan dia – okey.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Bagaimana kes-kes yang pernah terjadi di mana pencadang ataupun penyokong yang tidak dalam kawasan...*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *...itu pun akan disemak semula.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Jadi tanggungjawab itu seperti mana Yang Berhormat Kuala Krai bangkitkan tadi, semua tanggung jawab itu terletak kepada SPR?*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Yang Berhormat, semangat SPR sekarang ini seberapa boleh siapa yang mendaftar diri untuk penamaan calon, seberapa boleh kita hendak terima kecuali dah teruk sangat. Contohnya di Sarawak baru-baru ini, semua borang tidak sain, candidate tidak sign, secondary tidak sign, calon tidak sign.*

Tuan Pengerusi: *Sengaja hendak minta reject.*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Itu kita tidak tahu bagaimana jadi, tetapi kita dapat laporan daripada RO berkenaan, dia tidak mahu sign.*

Tuan Pengerusi: *Dia tidak mahu sign?*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sampai tutup dia tidak mahu *sign*, sampai kepada AG, kena tolak. Itu sahaja, yang lain-lain, nama lainlah, itu kita terima.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Membawa kita kepada tajuk perbincangan ini, dalam peraturan kata berapa helai borang yang perlu ditandatangani? Ketiga-tiga itu? Okey, mahkamah memutuskan satu pun boleh, jadi elok dipinda yang mana sebenar supaya tidak timbul esok di setengah tempat, ia dibatalkan, di Kuala Kangsar, ia tidak dibatalkan. Jadi kita hendak, kalau satu, satu sajalah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Daripada tiga itu, kalau satu tandatangan pun kita boleh setuju, tapi satu pun dia tidak tandatangan, ini yang di Sarawak lah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Syaratnya kata tiga tetapi hanya satu sahaja. Jadi hendak konsisten, kalau satu, dalam peraturan kata satu, satulah, kalau tiga, tigalah. Kalau tiga, tanda tangan satu, batallah.

Seorang Ahli: ...*Sign* lah dua kali.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ini pun tidak, sampai akhir tidak *sign*, pun tidak terbatal lagi, sebab yang terlibat itu Menteri.

Tuan Pengerusi: Itu *copy*, boleh fotostat?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak dibuat, itu pun tidak dibuat.

Tuan Pengerusi: Okey, *clarify this*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi, kalau tiga itu – ini kita dah teliti, minta diperbetulkan, kalau tiga salinan ditandatangani, sebab *we thick*, mengisi borang ini, untuk dipastikan, kemudian tiba-tiba ada orang buat satu sahaja lepas. Jadi di mana – esok kalau saya buat macam itu, saya rasa awal-awal lagi kena *disqualified*, Yang Berhormat Kangar setuju.

Tuan Pengerusi: Okey, Tan Sri, ada apa-apa lagi?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Why* tiga salinan ya? Berkenaan dengan *political funding* dan *financing*, yang ini pun pihak SPR merasakan bahawa ada keperluan supaya *return* yang dikemukakan oleh tiap-tiap calon berkenaan *diexamine* oleh pihak SPR atau diaudit. Akan tetapi kita merasakan bahawa limit perbelanjaan yang ditentukan sekarang ini iaitu untuk Parlimen RM200 ribu dan DUN RM100 ribu yang telah ditetapkan pada tahun begitu lama, perlu dikaji.

Tuan Pengerusi: *I think* 2004, sudah 10 tahun, perlu dikaji?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Perlu dikaji dan jika sekiranya ini hendak dilakukan, pihak SPR sendiri mesti mempunyai seksyen yang begitu kuat untuk melaksanakan perkara ini, bagi *examine* penyata berkenaan. Kalau tidak, kita tidak dapat hendak *enforce* perkara ini. Akan tetapi di fikiran SPR pada masa ini, ada baiknya supaya perkara ini diaudit untuk memastikan perbelanjaan tidak begitu besar dan sebagainya, dan *source of fund from where and so on* dan perkara ini sedang dikaji.

Berkenaan dengan pertambahan sumber manusia, itu kita sedang merangkan beberapa perkara untuk memperkukuhkan SPR ini, mungkin Setiausaha boleh elaborate sikit.

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Yang Berhormat Pengerusi, kami telah mengadakan satu sesi perbincangan dengan JPA. Jadi JPA pada bulan ini akan membuat keputusan tentang cadangan kami. So, kami menunggu keputusan JPA.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Perkara itu Tuan Pengerusi, pada masa ini, di peringkat negeri, pendaftar ini adalah juga pengarah negeri. Jadi dia tidak boleh hendak fokus tugas dia sebagai Pengarah Pilihan Raya Negeri tetapi juga dalam masa yang sama sebagai Pendaftar Pemilih. Jadi kita ingin mencadangkan kepada SPA supaya pengarah ini buat kerja pengarah sahaja, tetapi pendaftar dan penolong pendaftar, khas untuk pendaftaran ini, disediakan pegawainya.

Tuan Pengerusi: Skop kerja kah atau skop pilihan raya?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pendaftaran ini bukan sahaja dalam proses pilihan raya Yang Berhormat, cuma panasnya masa dekat pilihan raya, banyak bantahan dan sebagainya, tetapi proses pendaftaran berterusan...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Pengarah?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pengarah negeri banyak kerja-kerja yang lain, persempadanan, *training*.

Tuan Pengerusi: *Do job spec, we are willing to support.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Hierarkinya di bawah Pengarah Negeri. Kedua Yang Berhormat, dari segi latihan. Latihan bukan sahaja kepada pegawai-pegawai dan kakitangan SPR, tetapi juga kepada petugas-petugas di luar daripada SPR, kepada *school children*, kepada *colleges student* supaya urusan latihan ini berterusan yang banyak dibuat di negara lain.

Jadi dia menganggap pilihan raya ini penting, mendaftar diri sebagai pengundi itu penting. Sekarang ini kita banyak mengadakan latihan bila sudah berhampiran dengan pilihan raya. Jadi tidak begitu berkesan Yang Berhormat. Jadi kita cadang untuk menubuhkan satu akademi pilihan raya. Dalam masa yang sama, dari segi pendaftaran juga, kita hendak mengadakan *mobile unit* seperti yang ada di PDRM, JPA, AADK, JPN, JPA3, semua ada *mobile unit* yang bergerak tetapi di SPR, kereta kerani itu sendiri yang bergerak sana sini dengan keadaan yang tidak sempurna. Jadi itu yang kita hendak kemukakan.

Tuan Pengerusi: Boleh Jawatankuasa Kecil, saya rasa masukkan semua ini dan kalau boleh Tan Sri, *develop properly* akademi itu, kami sebelah sini, hendak sokong ini tetapi *subject to the term of reference* ah. Saya rasa perlu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Juga *department of* undang-undang yang sekarang ini hanya seorang sahaja, jadi kita hendak tambah bilangan itu.

Tuan Pengerusi: *So*, Jawatankuasa yang menjaga ini?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Jadi, kita ada enam minggu sahaja untuk sediakan laporan, semua mesyuarat minggu depan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada sedikit lagi Yang Berhormat, pertama sekali dalam mesyuarat yang lepas, SPR diminta untuk mendapatkan statistik jumlah pengundi dalam Pilihan Raya Ke-12 yang mengundi sebagai pengundi pos. Jadi, kita telah menyemak dan kita tidak dapat angka-angka ini sebab semua sudah dimusnahkan, dilupuskan.

Berkenaan dengan kategori doktor, jururawat dan wartawan, Datuk Kamaruddin telah berjumpa dengan Ketua Pengarah Kesihatan untuk menyatakan berkenaan dengan pengundi pos bagi doktor, jururawat ini. Akan tetapi Ketua Pengarah Kesihatan mengatakan tidak perlu, tidak ada masalah. Tidak ada masalah untuk keluar undi biasa.

■1630

Tuan Pengerusi: Okeylah. *Then*, jangan ada aduan daripada *nurses* dan *doctors* lah, bukan? *Better* ada *in black and white* pekeliling pada masa itu ya.

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Tuan pengerusi, semasa saya berbincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan, mengikut Ketua Pengarah Kesihatan, terdapat lebih kurang 18,000 doktor...

Tuan Pengerusi: Ada 18,000?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Ya 18,000 doktor, 60,000 *nurses*. Daripada 80,000 ini hanya empat peratus sahaja yang..

Tuan Pengerusi: Bertugas?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: ...Terlibat secara di tempat-tempat kritikal. Itu pun kata dia mereka ada peluang untuk keluar mengundi. *So*, perkataan yang digunakan *is 'no issue'* kata dia.

Tuan Pengerusi: Ada dalam *black and white* suratkah?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Ada.

Tuan Pengerusi: Jangan cakap-cakap sahaja.

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Boleh, boleh. Saya akan tulis sendiri.

Tuan Pengerusi: Supaya dia kasi keluar *circular* pada masa pilihan raya bahawa mereka bebas untuk pergi mengundi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi dengan wartawan Yang Berhormat, bila Datuk Setiausaha berjumpa dengan mereka, mereka bersetuju kalau boleh sebagai pengundi pos, tidak sebagai pengundi awal kerana memang sukar hendak dilaksanakan, tetapi sebagai pengundi pos.

Tuan Pengerusi: Itu..

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi ini pun sudah... Datuk Setiausaha, kalau you hendak *report* mahu *detail*.

Tuan Pengerusi: Ada kiraan kah jumlah? Barangkali tidak sampai 5,000, 10,000.

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Tidak sampai 10,000, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak sampai 10,000?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Tidak sampai. *Then*, dia kata kalau boleh undi pos senang untuk merekalah. Undi awal memang...

Tuan Pengerusi: *So*, minta masuk dalam kategori undi pos? Ertinya, dia macam askar lah? Akan tetapi di mana nanti dia kumpul dia orang ini? Macam undi pos yang di *border*.

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Kita akan pos ke..

Tuan Pengerusi: Terus kepada mereka?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: *And then* mereka poskan kepada RO.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dalam isu – tidak ada *press* dalam ini, bukan? Dekat luar ya. Kalau kita bercakap tentang doktor, *nurses – critical*. Kalau tidak ada, orang boleh mati. Tentera menjaga sempadan, tidak ada orang boleh serang. Pemberita tidak ada, tidak ada berita sahaja. Tidak ada berita sahaja tidak apa lah, tidak susah, kita jalan. Berita, *sometimes for us* pembangkang, tidak ada berita lebih baik daripada ada berita. Ha, itu ceritanya. Akan tetapi bila sudah kerajaan esok, hendak pula berita itu. Ertinya, pada saya kritikalnya itu tidak sampai. Kalau doktor kata *non issue*, jadi yang lain itu dua kali ganda tidak ada isulah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi Yang Berhormat, ini hak sebagai pengundi ini sama bagi semua orang Yang Berhormat, ya. Bila kita berjumpa bos kepada *all this nurses, doctors*, dia mengatakan *non issue*. Akan tetapi bila kita berjumpa dengan wartawan ini, mereka mengatakan, melaporkan mereka hendak mengundi dan cara yang praktikal ialah undi pos. Wartawan ini dengan...

Tuan Pengerusi: Lagipun...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Banyak *group* lah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, dia *reporters*, dia suka ikut pada hari itu sini sana.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dia ditempatkan di tempat yang jauh dan berlainan daripada tempat dia mengundi.

Tuan Pengerusi: Tempat lain daripada mereka. *Covers* Sarawak dia bilang, *covers* Perlis, begitu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bila saya berjumpa dengan mereka, banyak mengadu bahawa mereka tidak dapat mengundi sudah beberapa tahun, beberapa kali mengundi, tidak dapat.

Tuan Pengerusi: *Because of the soal mobility.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sebab tugas.

Tuan Pengerusi: Okey, barangkali boleh dipertimbangkan. Kami di sini terbuka kepada itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, yang betul-betul...

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Surat khabar yang berdaftar. Di bawah lesen *Printing Act* lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Harakah*, lagi apa?

Tuan Pengerusi: Mereka pun ada lesen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mereka semua itu bolehlah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Mana yang berdaftarlah.

Tuan Pengerusi: Dengan lesen *printing*. Okey Tan Sri, *I think...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bukan, surat khabar yang sahlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Termasuk *Harakah*.

Tuan Pengerusi: Bersijil, berlesen.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya?

Tuan Pengerusi: Ya, kami sokong. Barangkali bolehlah *follow-up* itu Tan Sri. Saya rasa media, dia ditempatkan di lain tempat, *so*, boleh *proceed* dengan itu untuk memasukkan sebagai satu kategori untuk pengundi pos. Ertinya media *will very happy with the committee both sides*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang kedua, pengundi tidak hadir tadi saya sudah sebut ya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Ketiga, pertukaran kawasan pendaftaran alamat pusat mengundi perlu disertakan akuan berkanun ya.

Jadi, yang ini kita telah menyebutkan dalam mesyuarat yang lepas yang ini membebaskan pemilihlah terutama yang tinggal di luar bandar, yang berjauhan dengan kemudahan-kemudahan Pesuruhjaya Sumpah *and so on*.

Akan tetapi jika sekiranya didapati ada berlaku penipuan dalam kes untuk menukar alamat dan sebagainya, mereka boleh menggunakan seksyen 3 Akta Kesalahan Pilihan Raya dan boleh membuat laporan polis. Sebab mengatakan bahawa boleh berlaku apa-apa penipuan dari segi penukaran alamat, mesti disertakan dengan akaun berkanun dan kita telah bincang dan ini akan bebaskan kepada pemilih. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *I think*, terima kasihlah Tan Sri Pengerusi. Nampaknya cukup jauh perjalanan semenjak kita bermesyuarat dan minta *update* pada tempoh yang lalu dan ada beberapa lagi perkara yang masih lagi dalam rundinganlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak ada salinan diberikan tadi? Respons yang dahulu ada yang untuk...

Tuan Pengerusi: Ada dokumen disediakan untuk respons-respons?

Datuk Kamaruddin bin Haji Baria: Saya akan bagi satu *copy* kepada urus setia.

Tuan Pengerusi: Nanti Urus Setia boleh perbanyakkan. Saya rasa mengikut senarai saya sekadar beberapa yang baru itu yang masih dalam perhatianlah seperti soal *overseas voting* ini, kami masih lagi di peringkat merunding, memikirkan. Akan tetapi yang lain-lain yang kita putuskan termasuk *journalist* tadi itu saya rasa bolehlah ketetapan kita di sini setuju untuk dimasukkan kategori sebagai pengundi pos ya dan yang melibatkan perundangan ataupun peraturan-peraturan selain daripada 15 Februari untuk dua itu, kalau boleh bulan April yang lain itulah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya terlupa, saya sudah sebut dalam mesyuarat kita yang lepas. Pertama sekali berkenaan dengan penamaan calon ini, pada hari penamaan calon.

Tuan Pengerusi: Apa macam?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Supaya ada kerjasama dengan parti-parti politik. Kita bersetuju dengan angka yang *reasonable* lah supaya pada hari berkenaan tidak menjadi satu perkara yang sangat merunsingkan pihak SPR bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman semasa penamaan calon.

Tuan Pengerusi: Jumlah yang...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Well, papers quoted me* 10 orang, 20 orang *that could be too* – fikirkanlah bilangan yang sesuai. Janganlah sampai 15,000, 10,000 bilangan yang begitu besar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bilangan 5,000, 6,000. Dari segi itu, saya harap jawatankuasa dapat bincangkanlah.

Tuan Loke Siew Fook: Bilangan 15,000, Pekan sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya lah, *get what reasonable number*lah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *reasonable number*, 10,000 *reasonable* ini. So, kalau ada pandangan SPR *actually better* untuk kami 500 kah? Yang lain boleh jumpa di tempat pelancaran manifesto di padang kah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Otherwise* Tuan Pengerusi, untuk menyediakan polis mengawal, menyediakan *barricade* dan sebagainya...

Tuan Pengerusi: Boleh pihak SPR barangkali pada mesyuarat akan datang *just give us some suggestion* dari segi ini termasuk itu saiz poster yang dicadangkan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang kedua, berkenaan dengan *discipline on posters* supaya kita tidak lah nampak sangat satu negara yang bila ada sahaja pilihan raya, habis pokok-pokok dipakunya habis, bukan diikat. Atas pokok, bawah pokok, batang pokok.

Tuan Pengerusi: Bawah pokok.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Bangunan, *public buildings*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *Traffic lights, lamp post*. Semuanya ditampal. Jadi, kita hendak memperkenalkan satu peraturan Yang Berhormat supaya ada *some discipline*. Banyak negara yang saya lawat Yang Berhormat, ada disiplin dari segi poster ini.

Tuan Pengerusi: Bila boleh kemukakan cadangan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sebenarnya cadangan-cadangan ini telah dikemukakan semasa perbincangan yang pertama.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Akan tetapi saiz poster semua itu, apakah itu...

■1640

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ada, ada di dalam *paper* itu.

Tuan Pengerusi: *Okay, we will revisit this meeting*. Sambil itu kami runding pasukan masing-masinglah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Sebelah sana, sebelah sini, *talk to the bosses* ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Perkara ini telah dikeluarkan dalam media Tan Sri, betul bukan? Sudah disebut dalam media.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sudah disebut dalam media...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dan Parti PAS telah memberikan *respond* tidak bersetujunya atas...

Tuan Pengerusi: Tidak bersetuju?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi: Oh!

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya lah, kalau kita tidak tahu berapa hadnya, yang sebenarnya. Jadi, saya sudah hujah dengan sama di sini, hari penamaan calon juga sebahagian daripada kempen yang berkesan. Dari segi semangat dan juga dari segi *impression* kepada pengundi-pengundi di sekitar.

Tuan Pengerusi: Kepada demokrasi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya harap jawatankuasa ini bincang jugalah. Pada saya tidak ada *correlation*. *The numbers of turnout on the nomination* dengan *win or lose*. Daripada yang saya tengoklah dalam *result* yang lepas Yang Berhormat. Cuma dari segi semangatlah tetapi semangat yang kalau boleh dikawal, tidak apa. Ini keadaan yang saya ingat Yang Berhormat – *sorry to say*, macam mereka dalam keadaan yang sedar, tidak sedar. *Most of them*. Seheinggakan SPR punya orang pun dia sudah tidak kenal. Itu maksud saya tetapi kalau keadaan kita hormat-menghormati satu sama lain, yang aman dan sebagainya, ini tidak. Ini berbaling kayu, berbaling batu. Perkataan itu jangan kiralah, yang keluar itu. Itu yang saya maksudkan supaya budaya ini dapat diperbaiki.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya rasa ini satu cadangan yang bagus, hanya apa-apa, jumlah yang *optimal you know*, barangkali kita bincang dalam mesyuarat akan datang. Macam sepuluh itu terlampau kecil *I think* tetapi tidak mahu yang ribu-ribulah. Dahulu saya pernah kena tarik telinga semua begini, adoi... [Ketawa] *You know, just as well* kita tidak *respond*. *I waktu...* [Disampuk][Ketawa] Ketua Pembangkang punya kawasanlah, waktu itu panas betul, macam itu kan bahaya, betul-betul *dangerous*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu perkara yang kecil, ada yang besar-besar bukan. Pilihan raya umum, masing-masing tempat..

Tuan Pengerusi: *But I think* keseluruhannya. *That is the point*. *So, minimum numbers* tetapi *countable, exciting enough*. Akan tetapi janganlah yang beribu-ribu ini. *We can do that after launching our manifesto*, lepas kita sudah keluarkan pencalonan, kempen ribu-ribu boleh. Akan tetapi bukan di tempat penamaan sana. Sempit lagi, polis pun tidak cukup. Saya setuju.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya. Tuan Pengerusi, saya ada hendak merujuk balik kepada proses penamaan calon. Kemungkinan ada berlaku bantahan, yang kita hendak bantah tetapi ditolak oleh RO kerana maklumat dia ada, cumanya dalam Peraturan Pilihan Raya perkara 7(5), "*Keputusan pegawai pengurus adalah muktamad dan konklusif bagi maksud pilihan raya yang mengenyainya urusan itu diadakan dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.*" Saya rasa kalau ini berlaku, kalau penolakan itu berlaku sebab sekarang tidak ada masa bantahan lagi sudah. Jadi, bagaimana hendak kita dapatkan *review* kepada keputusan RO ini kalau didapati akhirnya tidak betul.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Okey, ya. *By petition...*

Tuan Pengerusi: *By* petisyen, bukan?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya lah tetapi sudah tidak relevan lagi sebab yang kita hendak petisyen kan ini mestilah sesuatu yang boleh menjejaskan keputusan pilihan raya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Macam mengundi dahulu, saya sudah bawa satu petisyen.

Tuan Pengerusi: Macam – boleh itu Yang Berhormat Kuala Krai? Macam kes Pensiangan dahulu. Dia ada *reject* kan dan semua pergi mahkamah *and then* ada petisyen.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita bawa petisyen contohnya... *[Disampuk]* Dengan mengemukakan jumlah pengundi yang keluar mengundi lebih daripada waktu pukul lima, daftar pemilih yang lain daripada yang diberikan pada hari penamaan calon. Semua disahkan dalam mahkamah tetapi *bottom line* nya dia kata keputusan ini tidak menjejaskan jumlah undi yang didapati daripada mana-mana pihak. Jadi, kalau ini dengan tidak ada jumlah lagi, hanya di peringkat penamaan calon. Oleh itu, bagaimana kita hendak membawa satu petisyen terhadap RO ini?

Tuan Pengerusi: Akan tetapi mulai dari kelayakan *because very basic*, ikut Perlembagaan. *Then*, kita pun ambil kes *notes*, siapa *you* punya lawan, apa *background* dia, *check* semua...

Tuan Wee Choo Keong: Status...

Tuan Pengerusi: Kita serah pada *Returning Officer, you know*.

Tuan Wee Choo Keong: *I think* status calon sahaja yang penting, sama ada beliau ini seorang yang bankrap ataupun bukan warganegara Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ya. Memang *the Returning Officer must be very polish* lah *to check and they fulfill the basic requirements and during* – sebelum dia tutup pencalonan itu, kalau seseorang itu keluar, *our boys already on the check*, dia ini ada *return* kah, dia bankrap kah, *at the sometime* juga. Beritahu kepada *Returning Officer*, bukannya? *We can still inform the Returning Officer*.

Tuan Wee Choo Keong: Saya rasa kalau satu petisyen itu dimasukkan dalam mahkamah, kalau kita menunjukkan bukti bahawa calon itu adalah seorang bankrap...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wee Choo Keong: Saya rasa mahkamah pun tidak boleh hendak tutupkan...

Tuan Pengerusi: *Of course*.

Tuan Wee Choo Keong: Kerana Artikel 48.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh atau tidak hendak tanya ini Penasihat Undang-undang. Bolehkah kita masuk peraturan? *I am thinking outside of the box.* Bolehkah kita masuk peraturan mengatakan siapa sahaja, bakal calonlah, yang bankrap ataupun yang telah tidak *file* kan dia punya... dan cuba hendak menjadi calon, dia telah melakukan kesalahan dan boleh dihukum. *Then, you deter that fellow, to become – Is there?*

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Sudah ada benda itu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oh! Boleh di...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Kalau dia bankrap tetapi dia masih lagi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oh! Okey. *Then, you have to* kuatkuasakan ini, semua ini. Mesti kuatkuasakan. Kebelakangan ini SPR tidak pernah pun bawa kes-kes kepada mahkamah. Jadi, SPR duduk jadi apa, *whipping bowl?* Orang menghentam SPR, SPR ada kuasa...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Berhormat, kita sendiri tidak boleh membawa ke mahkamah tetapi ada agensi tertentu membawa...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya lah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kes berkenaan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Menguatkuasakan undang-undang yang ada.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi jabatan itu hendak bawa ke mahkamah atau tidak? Yang Berhormat tahulah. Banyak laporan dibuat tetapi berhenti di situ.

Tuan Pengerusi: Ini cukup jelaslah. Apa yang penting *Returning Officer* fasih, *what are the rights and minimum quality* pengurusan yang diperlukan. *Now* sudah – tidak ada bantahan dan seterusnya. *I mean, minimum they will look at* apa yang ada di dalam Perlembagaan, bukan begitu?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, *then* kita *check* yang lain, kelayakan dia, parti masing-masing biasanya *check* dia layak atau tidak dan boleh serah dokumen itu sebelum tutup pencalonan itu kepada *Retuning Officer*. Kalau dia *miss out those points, I think* ada. *I think it is okay, you know* ini. *Straight forward in the thing there* tetapi *Returning Officer must be very clear when they are looking forward and they look at the document.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya *but still* perkara 7(5) tadi itu saya bincang dengan peguam. Dia kata memang kalau kesalahan RO ini, memang tidak boleh hendak didakwalah. Tidak boleh hendak dibawa ke mahkamah.

Tuan Pengerusi: Mengapa, kes...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Lain.

Tuan Pengerusi: Persiapan itu, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup *versus* yang *rejected*, yang satu orang itu, yang kena tolak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya tetapi kalau ikut peruntukan yang ada di sini, dia rujukkan kepada – boleh bantah tetapi kepada keputusan pilihan raya 32(b). *Referring to* – ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya. *It is referring to the numbers* kan. Jadi, tidak yang ini – jadi saya rasa SPR boleh tengok balik kalau...

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau hendak perluas ataupun supaya boleh – dalam kes... kita tidak ada waktu bantahan sudah ini, ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey Tan Sri. Satu lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, *before I...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini, tentang beberapa perkara yang dibangkitkan dahulu lagi. Saya hendak tanyalah, minta pendapat dan penjelasan sebab kita bincang perkara ini. Tentang *polling agent*, bilangan *polling agent* ini. Kita sekarang, undang-undang telah pun ditukar, yang menyatakan bahawa bilangan itu berpandukan kepada parti yang bertanding, bukan bilangan calon yang bertanding. Umpamalah dalam pilihan raya umum, dia ada Parlimen dan DUN Negeri. Jadi, kalau Barisan bertanding dua-dua kawasan, dua-dua Parlimen dan DUN, dia hanya layak hantar seorang sahaja *polling agent*. Itu peraturan yang ditetapkan sekarang. Jadi, kita dalam perbincangan, kita minta supaya dua – bukan begitu, Yang Berhormat Kuala Krai? Kita minta supaya dua juga.

■1650

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu mewakili calon DUN, satu mewakili calon Parlimen walaupun datang daripada satu parti supaya bila...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Calon-calon dalam bilik...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, itu yang di minta di sini supaya bila datang kepada masa hendak mengira, dia sudah ada dua *counting* agen. Satu menjaga tong Parlimen, satu menjaga tong DUN. Macam mana keputusan SPR dari segi itu? Itu di bangkit itu, yang undang-undang sekarang ada ini membenarkan seorang sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Maknanya Yang Berhormat, kalau calon itu ada dua calon, dia untuk Parlimen dan DUN, hendakkan dua - satu calon satu agen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekarang ini dia membenarkan parti, katalah Barisan Nasional bertanding Parlimen juga bertanding DUN, mengikut peraturan sekarang dia membenarkan seorang sahaja, betul bukan peraturan - seorang *polling agent*.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Tidak, parti yang sama.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Parti yang sama berhak kepada satu orang *polling agent* iaitu agen dialah.

Jikalau bagi masuk Parlimen seorang, DUN seorang dia akan dapat dualah. Jadi, apabila mengira esok, agen dia akan tengok untuk DUN dialah yang akan tengok untuk calon DUN itu. Itu seksyen....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya ingat peraturan sekarang sudah menyebut mengatakan bahawa...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akta? Kalau tidak silap sayalah, ia menyatakan bahawa ia dipinda, yang terakhir ini dipinda mengatakan bahawa bila ada dua pilihan raya umum, Parlimen dan *state*, jadi kalau parti itu bertanding dua-dua, dia hanya layak hantar seorang sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Itu cadangan di peringkat SPR tetapi setelah kita berbincang, *but it is not practical*. Kita tidak mahu dalam bilik mengundi itu terlalu ramai. Akan tetapi sekarang ini kita bersetuju satu calon, satu agen. Tidak dipinda.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bergantung pada partilah. Okey, *alright*.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusof: Bukan parti, calon.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Okey, nanti kalau kita *based on party*, BN sudah ada 13.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, yang bertanding.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Oh, yang bertanding adalah *based on* calon.

Tuan Pengerusi: BN. *So*, satu Parlimen satu agen.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Satu agen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu calon satu agen. Itu senang. Bukan satu parti satu agen.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, okey?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, jadi bermakna dalam keadaan yang biasa kalau tiga penjuru, dia ada tiga-tiga itu, tiga penjuru dan bertanding di Parlimen...

Tuan Pengerusi: Enam.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Enam...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia mungkin ada enam. Okeylah. Itu satu soalan. Soalan yang kedua ini, tentang pemerhati barung. Adalah dicadangkan oleh SPR mula-mula kita bersidang saya ingat ada dicadangkan, saya ingat Kuala Krai ingat rasanya. SPR mencadangkan supaya dihapuskan pemerhati barung ini. Ingat tidak?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi Yang Berhormat, daripada pengalaman saya, dimaklumkan SPR perlu ada barung SPR di situ untuk membolehkan pemilih menyemak status mereka dan saluran mana.

Mengikut pengalaman SPR, pemerhati daripada parti di situ, dia bukan memerhati sahaja, dia mengacau sehinggakan tidak dapat kerani berkenaan menjalankan tugas dengan tenteram. Jadi berasaskan pengalaman itu, peraturan ini dipinda supaya tidak ada pemerhati... [Disampuk] Sudah dicadangkan supaya ditiadakan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya. Ini belum dibentang lagi Yang Berhormat, ada dimasukkan di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita ada beberapa *level* untuk memastikan pengundi datang itu sah antara ialah pemerhati barung ini. Jadi kita berpendapat agak penting di sini sebagai *level* pertama kita. Bukan itu sahaja Tan Sri, kita hendak mencadangkan supaya setiap pengundi mesti melalui barung. Sekarang ini tidak, opsyenal.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Barung SPR ya?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Barung SPRIah. Kalau kami bukan barung, kami dipanggil pondok panas. Sudah tidak ada, ada jauh-jauh dekat satu kilometer jauh tidak apa. Tidak menjadi kesalahan. Jadi, kalau boleh pengundi-pengundi ini mesti melalui barung itu untuk mendapatkan kertas pengesahan saluran dia. Ertinya paling tidak pun sudah ada melalui satu proses, kalau tidak mungkin dia *clever enough* dia dapat maklumat dia punya saluran manakan, dia akan terus pergi tidak melalui barung. Jadi ini tidak ada dalam peraturan yang mewajibkan dia pergi ke melalui barung ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Berhormat untuk mengelakkan ramainya pengundi-pengundi berkumpul ataupun bertumpu di tempat di barung ini, SPR memberi kemudahan mereka ini menyemak, mereka ini tempat mengundi di mana, saluran mana dengan cara satu dengan telefon, yang kedua dengan SMS, yang ketiga dengan *website*. Jadi apabila dia tahu maklumat itu, dia teruslah ke tempat mengundi.

Jadi tidak semuanya berkumpul di barung SPR. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, SPR juga membuka meja di tempat-tempat popular ke kawasan berkenaan untuk menyemak. Bukanlah semua pagi itu baru hendak semak. Tidak ada, tetapi kita hendak memberi kemudahan supaya mereka ini jangan sesat pergi ke pusat mengundi yang lain, jangan pergi saluran yang lain. Jadi boleh dengan *hand phone*, dengan telefon, dengan SMS, *website* ataupun meja-meja yang dibuka oleh SPR.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, permohonan daripada Yang Berhormat Kuala Krai dan juga Kangar supaya dipertimbangkan semula pemansuhan pemerhati barung ini kerana dalam kawasan larangan - barung ini diperkenalkan pada tahun 2004 apabila dimansuhkan pondok panas. Jadi untuk membantu pemilih-pemilih yang tidak tahu saluran mana hendak pergi seperti mana yang Tan Sri ceritakan tadilah.

Kebanyakan ada slip daripada parti dia tahu saluran mana dia hendak pergi, dia terus masuk pergi, dia tidak payah singgah kepada barung. Oleh sebab itu dalam peraturan SPR dia kata tidak wajib untuk singgah ke barung, dia boleh pergi terus. Akan tetapi kalau tidak ada pemerhati, dikhuatirkan bahawa orang yang telah mengundi dia berlegar, duduk di kawasan itu. Jadi kalau ada pemerhati barung ini, dia boleh menjadi satu *observer*, dia tengok bukan sahaja melihat orang yang datang beratur mengambil slip tetapi dia turut memerhatikan orang yang keluar duduk di bawah pokok. Bila orang datang, dia tunjuk belah atas maknanya calon dia duduk atas. Jadi oleh kerana itulah parti-parti ini dia memerlukan pemerhati barung itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ianya begini Yang Berhormat, kalau begitu dia punya kelakuannya di situ, tidak apa Yang Berhormat membantu. Akan tetapi apa yang *really happened on the ground*, dia *take over* kerani-kerani ini..

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini pilihan raya-pilihan raya kecil. Saya ingat pilihan raya 16 kali, mungkin kita terpengaruh dengan pilihan raya-pilihan raya kecil. Pilihan raya umum saya ingat tidak berlaku.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kalau berlaku pilihan raya kecil, boleh berlaku pilihan raya umum sebab dia kata "*Eh, ini bukan orang sini*". Budak ini budak-budak muda mengganggu jadi *the flow of* – ini tidak lancar.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia punya tugas dia tidak boleh ganggu, dia tidak boleh bercakap. Dia tidak boleh...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sepatutnya memang begitu Yang Berhormat, tetapi *what really happen is not like that*. Yang datang ini bukannya kecil-kecil Yang Berhormat, *their are trained*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pilihan raya kecil memang begitu. Saya faham.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: *They are trained, big size, fierce*, garang-biasanya mereka yang diletak di situ... [*Ketawa*] Saya sendiri banyak pengalaman. *Even* di bilik agen parti - dalam bilik mengundi itu, garang-garang Yang Berhormat... [*Ketawa*] *Well...*

■1700

Tuan Pengerusi: Minta pihak SPR pertimbangkan semula perkara ini dan tengok ketetapan. Setakat ini cadangan hanya memansuhkan, tetapi saya rasa ada guna juga untuk cek asal dia dan di kawal betul-betullah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Sebagai contoh Yang Berhormat, ini pengalaman saya sendiri yang masuk mengundi ini orang buta, dia tidak membawa kawan atau warisnya, jadi mengikut undang-undang KTM di situ yang membawanya, satu agen parti ini menjerit, dia menyuruh laungkan apa yang dia pangkah...

Tuan Pengerusi: Eh! Mana boleh.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Saya kata mana boleh, itu rahsia kalau rahsia mana satu tahu dia pangkah apa dia kata, ah tidak boleh! Kemudian dia mula membuat bising marah mengatakan peraturan tidak betul, ini contohlah. Jadi, benda-benda seperti ini mungkin berlaku dan mengganggu proses. Begitu juga yang di luar, ini maksud saya kalau mereka ini *friendly* membantu, menyokong *that is more than happy* tetapi apa yang *really happen...* Dato Noordin lama di sini, *he can explain*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi saya mengambil kenyataan Yang Berhormat Tan Sri itu *with a reservation* lah dan saya berharap ia tidak adalah berkenaan dengan beberapa *acceptation* dan bukan *general happening* dalam masa pilihan raya. Kalau ini berlaku dan kalau itu pandangan pengerusi SPR, saya rasa kita ada masalah ini, bukannya hanya di barung nampaknya dalam tempat mengundi pun dianggap sebegitu tetapi kita tidaklah mencadangkan supaya diubah peraturan supaya yang menjadi *polling agent* ini tidak yang badan-badan besar yang ganas-ganas seperti Tan Sri sebut atau *quote* ini sebab memang kita latih itu sebab kita hendak memastikan perjalanan itu betul-betul telus, sebab itulah kita hendak minta.

Saya juga hendak memohon, hendak rekod pada hari ini supaya dalam peraturan kita melantik di bawah Perkara 12A, Peraturan Pilihan Raya ini melantik pegawai-pegawai dan kakitangan pilihan raya ini, kita hendak memastikan orang yang dilantik ini adalah orang yang tidak ada kepentingan parti politik, berjawatan dalam parti politik dan mesti dihebahkan kalau tidak nanti macam mana kita hendak berbaik sangka dengan pegawai-pegawai KTM atau kerani-kerani yang kita tahu adalah sebahagiannya adalah pemegang, katalah pemegang jawatan dalam parti politik di kawasan tempatan.

Perkara 12A ini bercakap mengenai pelantikan ini dan kita minta supaya nama-nama ini sebelum disahkan sebagai pegawai-pegawai ini agar diumumkan supaya boleh dibuat bantahan. Kita *local party*, kita kenal lah orang-orang di *local*, kita tahu siapa yang dilantik ini, kalau cikgu itu dilantik misalnya dan dia adalah salah seorang AJK cawangan PAS misalnya mungkin orang UMNO tidak bersetuju, di sebaliknya kita pula tidak bersetuju, jadi macam mana kita hendak ini kalau perkara ini tidak dimasukkan di dalam peraturan, kita hendak mencadangkan supaya di dalam peraturan ini dimasukkan supaya nama-nama yang dilantik ini diumumkan dan bila ada bantahan diperbetulkan, tidaklah timbul isu garang-garang, sebab kita jangka semua ini neutral, yang menguasai dalam bilik, tempat mengundi tersebut, macam mana Yang Berhormat Tan Sri?

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat Tan Sri ...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Yang Berhormat, apabila kita mengesyorkan ataupun memaklumkan kepada pegawai pengurus - yang melantik ini pegawai pengurus Yang Berhormat, kita sebutkan kepada mereka garis panduan yang sangat jelas iaitu yang pertama sekali mereka yang dipilih ini bukannya mereka yang memegang jawatan parti, ada mereka mesti memaklumkan kepada pegawai pengurus dan *declare*.

Tuan Pengerusi: ...Kalau dia ahli politik ataupun...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Maknanya memegang jawatan tetapi kalau misalnya dalam proses itu berlaku juga akhirnya didapati ada jawatankuasa kena duduk di situ jadi kalau kita tahu kita akan *terminate immediately*, pernah kita buat.

Tuan Pengerusi: Kalau perlu ada surat *declaration* mengatakan saya bukan ahli mana-mana jawatankuasa peringkat parti...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Declaration*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya

Tuan Pengerusi: *I think* perlu...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Akan tetapi di dalam... kita mempercayai mereka supaya janganlah kalau aktif memegang dalam parti jangan bertugas sebagai petugas SPR pada hari berkenaan, itu *guideline* kita beri kepada RO tetapi yalah akhirnya kita tahu dia memegang jawatan macam mana kita hendak buat.

Tuan Pengerusi: Terpaksa kita, dahulu satu perkara...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: ...Akan tetapi kalau kita tahu sebelum itu, kita akan...

Tuan Pengerusi: Ya, kalau satu mungkin *simple declaration* di sana mengatakan kalau menunggu laporan dahulu baru susah, tukar lagi ada isu lagi, *so maybe simple declaration* baru ada *appointment, declare the interest okay*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Untuk hendak *clearkan* mereka-mereka ini yang dilantik ini mereka ini mengundi awal atau undi pos?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, tidak, mereka ini akan mengundi awal ataupun mereka mengundi pos?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Petugas ini diberikan opsyen....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini hendak tahu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Petugas mengundi awal ataupun pengundi biasa mereka boleh memilih untuk memilih untuk mengundi pos ataupun mengundi biasa.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pengundi pos atau pengundi biasa.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya, ataupun mengundi awal, *no, no sorry* pengundi biasa, maaf.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia hanya mengundi pos ataupun mengundi biasa sahaja.

Tuan Pengerusi: Pengundi biasa maksudnya...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pengundi pos....

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Petugas SPR?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yes, petugas SPR. Kalau mengundi pos dia perlu membuat permohonanlah.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Okay, alright.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti Yang Berhormat sebelum kita hendak habiskan ini, saya hendak sikit-sikit hendak perbincangan tentang *objection* ini selalu ini, kita hendak dengar daripada SPR ceritakan macam mana perbincangan dilakukan, bila kita ada *objection* tentang orang yang mengundi yang dilantik sebagai ...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Pada nama-nama pengundi baru ini, tentang rang daftar pemilih ini, macam mana dia...

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Dato' Noordin.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Supaya kita dengar, senang kita hendak membuat keputusan.

Dato Noordin Bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-datuk, Tuan-tuan sekalian semasa tempoh pameran rang daftar pemilih tambahan dilaksanakan untuk setiap *quarter* atau setiap suku kita adakan seminggu macam mulai 8 hari bulan semalam sampai tujuh hari ini 14hb kita tengah mempamerkan Rang DPT Suku Tahun Keempat 2011. Jadi dalam tempoh ini sesiapa pemilih di situ, dia boleh membuat bantahan kepada satunya, siapa yang baru mendaftar ataupun pertukaran alamat masuk ke situ, jadi apabila ada bantahan...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato Noordin Bin Che Ngah: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bagaimana dia membuat bantahan?

Dato Noordin Bin Che Ngah: Okey, bantahan ada borang yang tertentu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Dato Noordin Bin Che Ngah: Ada borang yang tertentu yang terpaksa diisi termasuk juga tuntutan, tuntutan ini kalau dia sudah *apply* tetapi namanya tiada maka dia boleh menuntut supaya nama dia dimasukkan tetapi bantahan ini sama ada orang pindah masuk ke situ ataupun disyaki orang itu tidak bermastautin ataupun bukannya orang di situ. Maka bantahan dibuat dan habis itu pendaftar iaitu Pengarah Pilihan Raya Negeri akan memanggil siasatan, membuat siasatan dan memanggil setelah memberi notis secukupnya barulah memanggil kedua-dua pihak, pembantah dan orang yang kena bantah duduk *seat together*.

Jadi, apabila pembantah datang, dia kena membuktikan ada *prima facie*, ada bukti mengatakan bahawa orang ini sebagai contoh bukannya bermastautin di situ, maka dia perlu mendapat maklumat, *burden of proof on him* bermakna dia kena memastikan bahawa orang ini tidak duduk di situ. Jadi, kalau betul tidak duduk di situ ataupun tiada alamat di situ sebagai contohnya maka kalau ada bukti, dia bawa saksi dan sebagainya maka pengarah negeri menerima bantahan itu dan namanya tidak jadi dipindahkan di situ ataupun tidak jadi didaftarkan di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi dua-dua orang hadir di depan dialah.

Dato Noordin Bin Che Ngah: Ya, dua-dua orang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau seorang tidak hadir ...

Dato Noordin Bin Che Ngah: Okey kalau seorang tidak hadir pun, saya difahamkan kita masih lagi meneruskan perbincangan itu, pembantah akan mengemukakan kesnya dan kalau orang kena bantah tidak hadir bukan kerana tidak hadirnya itu kita boleh menerima bantahan, so kita ada perbincangan dan kita dengar, kalau ada bukti yang kukuh maka pengarah kita sebagai pendaftar ini dia menerima bantahan itu.

Tuan Pengerusi: Kalau orang itu tidak hadir.

Dato Noordin Bin Che Ngah: Ya, tidak kerana disebabkan oleh orang kena bantah itu tidak hadir tetapi ada bukti yang kukuh bahawa dia tidak bermastautin di situ ataupun malahan dia tidak ada alamat pun yang ada satu itu tidak dikatakan kalau *constructive residence for example*, tidak ada *connection*. Maknanya tidak boleh dikaitkan dengan bermastautin di situ. Maka, bantahan itu akan diterima dan namanya tidak akan dimasukkan di situlah.

■1710

Tuan Pengerusi: Prosedur mesti sama seperti dahulu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi digugurkan nama dialah daripada senarai?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang Berhormat, kalau dia hendak bertukar alamat...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Orang baru?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Kalau orang baru, bermaknanya tidak boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Digugurkan namanya?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Digugurkanlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau orang masuk situ, dia pindah masuk daripada 'A' masuk ke 'B'...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tempat asallah.

Tuan Pengerusi: Gugur.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Balik ke tempat asallah.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, cuma *follow-up* kepada ini sebab ini dalam mesyuarat lepas kita pernah bincangkan dan Timbalan Pengerusi SPR sendiri ada mengakui bahawa kalau seseorang itu memberikan alamat palsu, alamat yang tidak benar bahawa orang yang dituduh atau didakwa itu tidak dapat membuktikan bahawa dia memang ada pindah ke situ, maksudnya dia memberikan keterangan yang palsu. Apabila dalam borang itu, maksudnya dia telah menyalahi kesalahan pilihan raya.

Jadi, saya hendak tanya apakah tindakan *follow-up* daripada SPR kerana dalam mesyuarat lepas Timbalan Pengerusi kata dia boleh didakwa di mahkamah kerana memberikan keterangan palsu. Sama ada SPR akan *pursue* dalam perkara ini? Ini kerana saya nampak terlalu menjadi-jadilah pertukaran alamat ini. Perlu ada sesuatu tindakan untuk memberhentikan gejala ini.

Tuan Pengerusi: Saya rasa dia bangkit dahulu sebab kita inginkan supaya pemindahan alamat ini adalah tulen dan kita katakan bahawa *statutory declaration* ataupun *statement* bahawa faks itu dia kata adalah betul dan difahamkan borang itu pun mencukupi untuk tujuan tersebut, jadi tindakan boleh diambil kepada mereka yang memberi maklumat palsu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Kita akan melihat perkara itu dan mengambil tindakan yang sesuai. Laporan polis...

Tuan Loke Siew Fook: Laporan polis oleh SPR atau oleh pembantah?

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Pembantah.

Tuan Pengerusi: Saya rasa perkara ini memang pokok dan penting oleh kerana ini aduan-aduan yang orang pindah tanpa sebab berasaskan kepada kelayakan yang ditetapkan oleh SPR. So, saya rasa kalau ada sesuatu yang memperketatkan lagi syarat-syarat tersebut, *list* ini *complaint about* yang satu *address* seratus orang.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Lagi satu saya hendak tambah Yang Berhormat, di samping senarai pemilih yang baru ataupun tukar alamat itu dipamerkan, CD maklumat-maklumat yang sama dihantar juga kepada setiap parti di ibu pejabat dan juga di negeri.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Jadi biasanya banyak bantahan itu *not so much from the* pameran, banyak daripada CD yang diterima oleh parti-parti berkenaan.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think* nanti *we will check in up to date on this*. Kalau dapat, laporan polis siapa yang buat laporan polis *and all these things*. *In other words, there has to be a* pengadulah kalau hendak *take up the case further*. *So either the public complainant on the grounds that this person does not live in this place* dengan izin, *and they are falsified their* borang untuk pendaftaran mahu pun tukar alamat ataupun tukaran pertama.

Baiklah Tan Sri, saya rasa cukup panjang hari ini. Terima kasih atas semua ulasan-ulasan yang terkini dan nanti kita tinjau lagi barangkali dua mesyuarat dari sekarang dari segi pelaksanaan terkini. Saya katakan 15 Februari ini dua perubahan peraturan itu dijangka dapat dimuktamadkan ataupun diwartakan dan April untuk yang lain-lain itu iaitu yang tidak ada bantahan dan seterusnya. Terima kasih banyak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Ahli-ahli yang lain.

Tuan Pengerusi: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, agenda masih panjang tetapi saya bercadang untuk memfokuskan yang utama. Pertamanya, mengenai dengan agenda seterusnya ialah saya rasa kita pergi... *[Disampuk]* *No, no*, sebelum membincangkan laporan, saya hendak teruskan perkara-perkara berbangkit. Nanti kita kembali selepas perihal perbincangan lawatan sebab singkat sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Parlimen serta Jawatankuasa Kecil masing-masing yang diketuai hampir semua oleh pihak SPR *in any case* telah mengemukakan ulasan-ulasan berkaitan dengan semua pendengaran awam daripada Pulau Pinang, Kota Bharu dan Johor Bahru. Ada juga susulan daripada Kota Kinabalu dan Sarawak. Cadangan saya ialah kerana seperti mana standard catatannya, ulasan pihak kementerian telah dikemukakan, saya mencadangkan supaya setiap Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh satu atau dua orang Ahli Yang Berhormat menetapkan mesyuarat masing-masing dalam dua minggu ini untuk meneliti dan membuat syor-syor untuk dibawa ke perbincangan seterusnya. Kalau tidak, satu *committee* – kita sebagai *Committee* besar *to sieve through this* adalah begitu terlampau banyak. Jadi elok Jawatankuasa Kecil masing-masing tarik yang berkaitan dengan terma rujukan masing-masing dan bawa kepada kita. Saya mencadangkan bahawa 2 Mac adalah satu perjumpaan untuk... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Yes*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *We will call all* Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: *All* Jawatankuasa.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Serentak..., tempat lain-lain?

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Itu balik sudah untuk membincangkan laporan balas daripada Jawatankuasa Kecil.

Tuan Loke Siew Fook: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yes tetapi membincangkan syor-syor yang dibangkitkan oleh awam dan sudah di *sieve through* di peringkat Jawatankuasa Kecil.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: *2 Mac is Friday.*

Tuan Pengerusi: Ha? *Oh, 1st March* kah?

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: *On the 1st March is Thursday.*

Tuan Pengerusi: *First* ya.

Datuk Roosmee binti Hamzah: Yang Berhormat, *bear in mind that* Yang Berhormat baru balik dari luar negara pada 29 hari bulan.

Tuan Pengerusi: *So, you want Thursday or the following week* kah?

Beberapa Ahli: *Following week* lah.

Tuan Pengerusi: *Okay, 5th? 5th is the first take* untuk jawatankuasa ini meneliti apa yang ingin dicadangkan oleh Jawatankuasa Kecil masing-masing mengenai penambahbaikan. *Meaning, you* perlu mengadakan mesyuarat dengan Jawatankuasa Kecil *on your own*. Kita punya... *[Disampuk] On the 5th of March at 9.30 am. It is on Monday.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *It's a main committee.*

Tuan Pengerusi: *The main committee* membincangkan saranan-saranan peringkat Jawatankuasa Kecil. Tentunya ada penapisan dan barangkali Ahli Yang Berhormat hendak membawa lima perkara, kita bincang berapa yang kita boleh masukkan yang kita boleh persetujui untuk masuk. Mana yang lebih sensitif barangkali lebih banyak masalah tetapi kita masukkan nanti yang kita rasa kita punya *first* dahulu mana yang senang dipersetujui, okey masuk. Nanti kita bincang dengan pihak SPR dari segi pelaksanaannya macam konsep dahulu.

Ertinya dalam dua minggu ini perlu berjumpa dengan Jawatankuasa Kecil. Saya punya cadangan saya punya dengan Yang Berhormat Rasah, 14 Februari.

Tuan Loke Siew Fook: *Valentine's Day.*

Tuan Pengerusi: Ha? *Valentine's Day? Oh, we want to see on Valentine's Day...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Everybody with their heart.*

Tuan Pengerusi: Begitukah?

Datuk Roosme binti Hamzah: Itu dia *dinner* sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Petang bolehlah. Bolehlah. *I think* saya punya jawatankuasa daripada setiausaha pun... *Well, we always loving to our wives but it can - Valentine's Day...* Jam 2.30 petang, 14 Februari, *mine*. Nanti masing-masing yang lain tentukan tarikh okey?

Tuan Loke Siew Fook: Di sini?

Tuan Pengerusi: Sinilah.

Tuan Loke Siew Fook: Sini.

Tuan Pengerusi: Ini dengan MIMOS dan seterusnya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Itu di KK. *Some of you want to do it in London, boleh.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Oh, itu tidak ada *members* cukup.

Tuan Pengerusi: *Then, the next date* selepas 5 hari bulan, saya pun sudah *mark because* kita perlu *set target*, is 12 hari bulan tetapi ini Agong punya majlis perasmian. Akan tetapi sebelah petang *free*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Usually...* Janganlah Yang Berhormat, *please. This one we will be very pack preparing for...*

Tuan Pengerusi: *First debate?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *I was thinking to that weeklah. At that time, the second meeting, we look at draft –* melihat draf kita untuk... *So, kalau mahu Wednesday pun okey because our Cabinet will be on Friday anyway.*

■1720

Datuk Roosme binti Hamzah: Okey.

Tuan Pengerusi: Boleh? *Afternoon*, bulan empat bukan.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Wednesday.*

Tuan Pengerusi: *Wednesday 14th.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Pukul empat petang.

Seorang Ahli: Apa ini?

Tuan Pengerusi: Mesyuarat Jawatankuasa.

Seorang Ahli: Mesyuarat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Empat petang.

Tuan Pengerusi: *Discussing first draft.* Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: *All lah, like this.*

Tuan Pengerusi: Macam ini. Pukul empatlah, *Wednesday*. Kita masih belum pulang kampung lagi. *Thursday* baru pulanglah.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *No. Wednesday.*

Tuan Loke Siew Fook: *Wednesday 14th?*

Tuan Pengerusi: *On the 14th.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *On the 14th.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *What time?*

Tuan Pengerusi: *At 4 o'clock.*

Tuan Loke Siew Fook: *At 4 o'clock?*

Tuan Pengerusi: Ya lah sini. Hendak bahas dan *they have to go back* lah. Membahaslah.

Datuk Roosme binti Hamzah: Hari itu masih membahas Menjunjung Kasih.

Tuan Pengerusi: *And then* saya cadangkan seterusnya *last meeting – actually I have fixed it at 22nd* tetapi *its a Thursday, 22nd*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *On the 22nd.*

Tuan Pengerusi: Ini, *for us* untuk sudah letak *cover on the final report* kerana ada seminggu lagi, waktu itu kita sudah minta slot daripada Parlimen.

Tuan Loke Siew Fook: *22nd?*

Tuan Pengerusi: Ya. *Final meeting.* Pukul 12, *over lunch 12 o'clock.* Susahkah?

Datuk Roosme binti Hamzah: *At 12 o'clock* kah atau *1 o'clock? 1 o'clock is better* Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okeylah *1 o'clock.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *1 o'clock,* kalau tidak...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi seperti macam dulu, *it may end up* sampai malam *you know, final meeting more or less* lah.

Datuk Roosme binti Hamzah: Sampai malam.

Tuan Loke Siew Fook: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: Makan tengah hari.

Tuan Pengerusi: Saya hendak pukul 12, dia kata...

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Pada 12. *Third,* sini... *[Ketawa]*

Datuk Roosme binti Hamzah: Nantilah habis boleh *imagine...* *[Ketawa]* *At 1 o'clock.*

Tuan Pengerusi: *At 1 o'clock.*

Dato' Kamaruddin Jaffar: *Make sure* ambil gambar penutup itu.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ha!

Tuan Pengerusi: *That time we discussing* sudah untuk dia punya *cover* dan kalau perlu sampai malamlah hari itu. *On the 22nd because the following week* kita *waiting for the final submission* sudah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Over...*

Tuan Pengerusi: Tidak, *second.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Kita bentang *by second.*

Tuan Loke Siew Fook: Oh! *Second...*

Tuan Pengerusi: *Last day of Parliament is?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Last day is twelve.*

Tuan Pengerusi: *We have to bentang by second, penggal kita selesai, okey.*

Tuan Loke Siew Fook: *Second.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Kalau kita tidak bentang, kita kena extend our...*

Tuan Pengerusi: *Extend, selesaikanlah ya. Although, with due respect I think there is a need to follow-up on the SPR.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *We have another... for us to...*

Tuan Pengerusi: *SPR punya, kalau tidak ada follow-up, you know – and then the engine will be slow. So, perlu and also to help them. You know, especially institutional aspect, semua itu. I think pada masa perbahasan kalau sebahagian hendak masukkan keperluan SPR dan semua ini. So, dijangka last meeting 22nd itu. Jadi, itu time frame kita maka dengan itu soal syor-syor diserahkan kepada semua – untuk ulasan itu kepada jawatankuasa masing-masing, sudah tetapkan mesyuarat the whole of next week because the next subject yang hendak dibincangkan ialah lawatan kerja. Pihak kerajaan telah – Parlimen telah setuju supaya kajian di peringkat akar umbi itu kita jalankan dan draf cadangan adalah sepertimana yang telah pun diedarkan okey. Saya di – semua persiapan telah pun di – mula-mulanya...*

Tuan Loke Siew Fook: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *The date, we are going to discuss it tetapi that is cadangan sebab selepas itu Parlimen sibuk untuk persiapan persidangan. So, we have to take the week, two weeks sebelum. The final week will be – officers cannot come with us because persiapan untuk Parlimen. Dicapangkan antara 20 sampai 29 dan as I said negara yang cadangkan adalah UK, German dan Denmark. Denmark, very funny it can wakil – you can have proxy voting... [Ketawa] If you tidak boleh hadir, you suruh suruhan pergi undi untuk you. That's kind of liberalism.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *That kind of...*

Seorang Ahli: *Tuan Pengerusi... kasar sedikit.*

Seorang Ahli: *Tidak.*

Tuan Pengerusi: *Sini cakap undi pos pun kita takut. Di sana you boleh beri orang wakil untuk pergi mengundi, you know. That is how...*

Tuan Loke Siew Fook: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Denmark ya. That is the one lah, the most liberal punya voting system. Most liberal of all, itulah you can have proxy vote... [Ketawa]*

Seorang Ahli: *It is very...*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi ini saya setuju dan *these country has welcome us*, hanya *confirming the dates*. Kementerian Luar Negeri *is going to help us and the idea is to book on 28*. Bagi Ahli-ahli Parlimen, *you will get the funding from Parliament*. *Officer's* yang telah disebut di dalam kertas Kabinet, masing-masing daripada agensi masing-masing okey. Kalau ada masalah bagi agensi, jabatan sila rujuk balik kepada sini dan saya boleh cakap dengan ketua jabatan atau Menteri kamulah ya tetapi kita sudah sentuh beberapa nama jabatan yang perlu ikut sama, okey. *So, I think booking for flight is going to be...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *For Parliament...*

Tuan Pengerusi: *For Parliament...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *We will have all warrant so next...*

Tuan Pengerusi: *I do my own, according to that.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang *ministry* nanti *I discuss* dengan dia...

Tuan Pengerusi: Ya. *The dates subject to flight you know but this are the dates selepas ini – I think the London part is confirm programme, understand to meet the...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Electoral Commission.*

Tuan Pengerusi: *Electoral Commission*. Okey, ini *boundary* ini belum lagi.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Boundary* itu *we have written to Many Banninger and he also advise us to contact Mark Sweeney who is at the Elections and Democracy Division of the Cabinet Office*. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: *We are communicating with them.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: *So, we might have another one, Elections and Democracy Division of the Cabinet Office. The same day, maybe in the afternoon.*

Tuan Pengerusi: Okey, *focus on – just before that* Yang Berhormat Rasah, *we want to look at... of course, electoral boundary system, we want to look at election funding, we want to look at access to media, we want to look up first-past-the-post versus proportional. About half of thousand thing* yang kita sudah cakap, yang kita belum ada buat apa-apa ketetapan di antara kedua pihak, di mana kita perlu tinjau dan lihat pengalaman sana dan apa yang kita boleh bawa pulang untuk tujuan resolusi bersama. *The idea of the independent SPR, the true sense* yang kita cakap. *How is it located with vis-a-vis in terms of Parliament*. *So, ada tujuh perkara yang we go – khas untuk cari case notes* lah untuk hendak beri – Yes, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook: *Chairman*, pandangan saya ialah *is it necessary* kita pergi Denmark? Kalau lihat cadangan ini kita hanya berjumpa dengan *Ministry of Interior and Health*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Dua, tiga hari *we are taking two, three days there*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *It just one day.*

Tuan Loke Siew Fook: *So, we of – kalau ikut di sini...*

Tuan Pengerusi: *Ya.*

Tuan Loke Siew Fook: *Sabtu, pergi daripada Frankfurt ke Copenhagen. Let say Saturday tidak ada apa-apa program, Sunday also no official program...*

Tuan Pengerusi: *Because already weekend.*

Tuan Loke Siew Fook: *The only meeting with ministry is on Monday. That's only one meeting. Is it necessary kita pergi sana?*

Tuan Pengerusi: *Okey. I am willing to be guided...*

Tuan Loke Siew Fook: *And because of...*

Tuan Pengerusi: *Actually, there is also satu invitation dari Spain. Spain – dia kata dua jam dari London. You know, you don't have – you can go, pulang semula if you want, just go for day untuk tujuan...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Germany to Spain?*

Tuan Pengerusi: *So, Spain – di mana surat-surat tadi itu? I just baca some points there, this is from the Ambassador Maria.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Are we going to Copenhagen?*

Tuan Pengerusi: *Ambassador Maria. This is what her argument. Okay, this is – I baca dia punya sebab she got a point. "I would like you to consider possibility of going to Indra..." Okay, Indra is...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Organization...*

Tuan Pengerusi: *World leader in the electoral processes with experience of more than 30 years in 218 electoral processes with have taken place in 18 different country, for example Spain, United Kingdom dan sebagainya. Indra offer a complete set of technological solution to all kind of electoral issues such as e-Counting, electronic voting, biometric, online registry, internet voting and... She said she will be happy if we want – this is Spain.*

Seorang Ahli: *Spain?*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1730

Tuan Pengerusi: *Any change of Denmark, I will have to talk to minister over seating Parliamintah, who is Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz... [Ketawa] My part, I am only approved to go to the three because I have to get government approval, bukan? Parliament is separatedlah. So, they have approved for Denmark part. Any amendment I have to go back this Wednesdaylah to refer back.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dari *Spain* hendak balik ke mari, *coming back from Spain*, itulah *I think*.

Tuan Pengerusi: *[Disampuk] It is two hours by train. Pergi Spain, dari UK, dari London, Madrid... [Disampuk]*

Seorang Ahli: *Fly lah.*

Tuan Pengerusi: *Fly lah. Okay. You give me some input to...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *We are here to decide Tuan Pengerusi because...*

Tuan Pengerusi: *The programme. The pengisian.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *...Same also if Spain Saturday, Sunday, people would not be meeting us?*

Seorang Ahli: *Also because they do not work on weekend.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Ya. It is the time for...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Meeting rakyat Malaysia, I think Denmark bukan ramai orang pun.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Tidak. Ini it is just, we just slotting because on Sunday...*

Tuan Pengerusi: *Doktor ini merujuk pada London sana. Ramai.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *...Ramai...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Ya. Faham because dalam atur cara ini that is the weekend. So, whether weekend - So, weekend kalau kita pergi mana-mana pun it is a free time unless ... [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *Interior...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *...If you want to go to Spain also that day, it would not be able to meet people on that weekend unless people want to meet us on weekend.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: *Like this...*

Tuan Pengerusi: *Why do not we fly...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *...Weekend, it is better to spent in Spain than in Denmark because Denmark is very cold. Nothing to see. In Spain, you enjoy the weather and then on Monday, you see people in Spain and then just like we plan in Denmark.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Itu kena come back with Cabinet paper. [Disampuk].*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I do not know. You can fly from Spain.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *When they had the discussion...*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *Dalam perbincangan dahulu itu, Denmark they said with a most liberal and they said advance than the Spain people. I think katakan, who said that advance, you know. But the most liberal for voting they allowed you no I think it is one country condition on overseas voting. If I am not mistaken, check.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Because, if I read here, what they plan for us to meet is Indra. Indra is an organization.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Where, in Spain or in Denmark?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Spain. It is an organization not the electro roll organization macam SPR and so on.*

Tuan Pengerusi: *Research institute maybe.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *It is like a business entity which is done a lot of services for the whole electral process for a few country. So, it is like promotion of... [Disampuk] Yes, it is a private...*

Tuan Pengerusi: *Like it is a research institute.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Research institute.*

Tuan Pengerusi: *...So we stick with Denmark for the moment lah. Okey. Sejuk, sejuklah. Pergi makan salmonkah, pergi sana. Sejukkah?*

Seorang Ahli: *Tuan Pengerusi...*

Tuan Pengerusi: *[Disampuk] Are we stay longer in Germany rather than in Denmark?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Can. It is just like...*

Tuan Pengerusi: *Condition...*

Seorang Ahli: *One more day in Germany*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Okay. That means we just take a flight on Sunday. Take a flight on ...*

Tuan Pengerusi: *Stay one more day in Germany. A lot of things tank there we can interact. It is just like political think tank. They call a lot... [Disampuk]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *We will try to work out.*

Tuan Pengerusi: *So, one night di sana, then quickly get out, musim sejuk. Bolehlah Yang Berhormat Rasah. Okey. We ubah sedikit. Okey. So, itu we leave kepada Parlimen untuk minta semua maklumat diri kepada pihak Parlimen. Hanya saya, barangkali I informed Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum, I have to come back one day earlier. Akan tetapi I am trying to get out and see what the - Saya ada Majlis Inovasi dengan Perdana Menteri, my ministry. Kalau saya tidak ada di sana, ada... [Disampuk] On the 29th... [Ketawa] We are coming back...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *On the 29th? So, 28th or 29th?*

Tuan Pengerusi: *Postpone.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *On 28th.*

Tuan Pengerusi: *On 29th.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *If 29th, you reached in the morning, 6.25 am in the morning... [Ketawa] Okeylah.*

Tuan Pengerusi: *Sorry, 28th. But I speak... [Disampuk] National Innovation Council, chaired by the Prime Minister... [Disampuk] Okey. Saya cuba.*

Terakhir adalah saya rasa sebenarnya itu sahaja sebab yang soal laporan balik dan jawatankuasa masing-masing minta nanti *I will check* siapa yang tidak dapat, belum jumpa. *You must meet* sebelum pergi ke *overseas... [Disampuk] You can do it on Monday, the day before we leave because we leave malam, I think, the flight is malam. Just meet your jawatankuasa, what is a take* daripada cadangan-cadangan yang ada kaitan dengan *area* disiplin yang telah diasingkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, *what is your take*, bawa dua, tiga, empat *and then we shift to* untuk.... *[Disampuk] On 14th* kami punya petang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Yang Berhormat Alor Gajah bagaimana? Saya cadang 15th.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Our committee?*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya cadang 15th.

Seorang Ahli: Kita punya...

Tuan Pengerusi: Nanti beritahu, ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang Berhormat Alor Gajah, berapa hari bulan?

Tuan Pengerusi: *On the 15th.*

Tuan Pengerusi: Sama, mahu beri dengan Yang Berhormat Hulu Selangor.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *On the 15th, 10* pagilah.

Tuan Pengerusi: Siapa *handle* institusi? Yang Berhormat Gombakkah?... *[Disampuk]* Okey. Senanglah. Dua orang ini tidak ada ini. Yang Berhormat Gombak sama Yang Berhormat Hulu Selangor ini... *[Disampuk]* Mereka *handle electoral process*. Ini yang soal-soal bantahan terhadap bantahan, *this kind of things, poster size* semua ini. Ini harus dibawah mereka ini untuk ditapis itu. *You remind* lah. Okey.

Pada mulanya ada satu cadangan yang telah kita bincangkan untuk mengadakan satu bengkel, woksyp *half day, listen to Speakers* dari Eropahkah, dari negara yang tetapi dengan kita pergi ke sana. Saya rasa tidak perlulah woksyp itu. *We are going to see* dengan sendirinya di situ apabila kita balik buat *post-mortem* dan tengok, barulah ingat. Saya rasa... *[Disampuk]* Ya, kalau tidak cukuplah. Akan tetapi di sana lebih original, dengar daripada ambasadornya cerita. *So, okay.* Kes itu ditutuplah. Kecuali dalam *finalization* kita punya *report*, kita perlu input tambahan, kita boleh panggil. Saya rasa, dengan itu saya ingin menangguhkan Mesyuarat kepada 5 Mac, hari Isnin, dan diminta semua Jawatankuasa Kecil bermesyuarat sebelum itu. Saya punya mengenai daftar pemilih, 14 hari bulan 2.30 petang bersamaan dengan Yang Berhormat Rasah. Okey, terima kasih, salam hormat.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.39 petang.